



WARNA-WARNI SEMPENA SAMBUTAN
ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-31
PADA 23 FEBRUARI 2015



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

Terbitan

Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Pameran
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2015

Hak Cipta

Jabatan Penerangan

Penyelaras

Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Susunan/Reka Letak/Taip Set/Penyemak

Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

Reka Bentuk Kulit Luar

Muhammad Al Khaliq bin Ali

Juruteknik Foto

Syahi bin Haji Ludin

Dicetak oleh

Ezy Printing Services & Trading Co.Sdn.Bhd

Foto

Unit Fotografi
Jabatan Penerangan

ISBN

978-99917-49-83-9 (Kulit Keras)
978-99917-49-84-6 (Kulit Lembut)

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 pada 23 Februari 2015	1 - 2
Majlis Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31	4 - 9
Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31	11 - 25
Persembahan padang dukung tema 'Generasi Berwawasan'	26 - 31
Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam dan Penyerahan Bendera Negara dan Poster Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31	33 - 40
Poster Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31	42 - 43
Logo Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Melambangkan 31 Tahun Kemerdekaan	45 - 47
Ikrar Hari Kebangsaan	48

Rencana Khas Pelita Brunei
Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-31

Pembangunan selari jana perkembangan sektor pelancongan	50 - 52
Negara kukuhkan syiar Islam	53 - 56
‘Generasi Berwawasan’ Bersemangat patriotik, daya saing yang tinggi	57 - 59
Melonjakkan pembangunan negara	60 - 62
ABDB bentuk pertahanan mantap	63 - 66
Penanaman padi ke arah menjamin sekuriti makanan	67 - 70
Wujudkan masyarakat bebas dari penyalahgunaan dadah	71 - 73
Jasa warga emas kepada negara sentiasa dikenang	74 - 79
MPMK gigih pandu anak buah kampung	80 - 83
Tenaga kerja berkemahiran tinggi tonggak utama negara	84 - 87
Keupayaan negara kekalkan nilai, budaya Brunei	88 - 92
Hubungan luar negara diperkukuh	93 - 96
Ke arah pendidikan berkualiti	97 - 99
Catatan	100 - 101



Titah

*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-31 pada 23 Februari 2015*

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillahillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa 'Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

Marilah kita sama-sama mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah Rahmat-Nya mengizinkan kita dapat meraikan pula Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-31.

Pada tahun ini kita masih saja dalam tema : 'Generasi Berwawasan' untuk Sambutan Hari Kebangsaan kita yang Ke-31.

Tema ini cukup sesuai untuk diteruskan kerana hakikatnya kita adalah masih dalam usaha untuk merealisasikan wawasan negara, iaitu Wawasan Brunei 2035.

Untuk berjaya, generasi penerus perlulah berwawasan dengan melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran-cabaran mendatang.

Di antara cabaran itu ialah memelihara keamanan, suatu kurnia daripada Allah yang pada sekian lamanya telah kita nikmati bersama-sama. Dengan adanya keamanan tersebut maka dapatlah kita menjalani kehidupan ini dengan penuh selesa serta dapat juga menyusun dan melaksanakan pelbagai rancangan kemajuan sehingga kemudiannya menghasilkan buah yang lazat berupa kemakmuran dan kesejahteraan.

Bercakap mengenai keamanan juga, beta ingin menekankan di sini bahawa ianya adalah tanggungjawab semua pihak bukan diserahkan kepada pihak-pihak keselamatan dan agensi-agensi penguatkuasaan sahaja. Malah orang ramai juga adalah perlu memberikan kerjasama yang erat dan padu.

Salah satu anasir yang boleh menggugat keamanan dan keselamatan ialah penyalahgunaan dadah. Dalam konteks ini, agensi-agensi kerajaan, orang ramai, ibu bapa, pihak sekolah, organisasi bukan kerajaan dan pemimpin akar umbi hendaklah bersatu tujuan memupuk kesedaran dan menggandakan lagi usaha memerangi penyalahgunaan dadah itu.

Pendidikan generasi muda di rumah dan di sekolah juga jangan diabaikan. Kerana pendidikan itu terutama pendidikan ugama adalah tonggak untuk memperolehi kekuatan. Keamanan juga turut berkait rapat dengan kemajuan ekonomi. Realitinya, kita ini adalah terdedah kepada persaingan sengit dalam konteks globalisasi, perhubungan *cyber* dan inovasi.

Persaingan ini terbuka luas dalam bentuk perdagangan bebas, pelaburan langsung luar negeri, pasaran tenaga manusia, kemajuan keusahawanan dan perhubungan *online*.

Kerana itu kita perlu mempunyai daya saing yang tinggi melalui nilai-nilai, sikap dan pemikiran untuk menjadikan kita mampu berdikari dan menyara kehidupan tanpa banyak bergantung kepada bantuan-bantuan. Untuk itu kita mesti cepat berubah dan membuat adaptasi yang bersesuaian supaya kita tidak terus tertinggal di belakang.

Satu keperluan mesti diceburi ialah amalan berjimat cermat dan menjadikannya budaya. Budaya ini adalah satu nilai penting yang perlu dipupuk oleh semua pihak. Lebih-lebih lagi di saat-saat pendapatan berkurangan.

Kebergantungan ekonomi kepada satu sektor sahaja adalah dianggap tidak berdaya tahan. Kita perlu mempelbagaikan ekonomi sebagai persiapan menutupi masa-masa sukar yang tidak diduga.

Antara cara berkesan melipatgandakan usaha ialah dengan menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Luar Negeri (FDI) dalam sektor bukan minyak dan gas, memperbaiki suasana pelaburan dan perusahaan, mempermudah tatacara penubuhan dan perjalanan perusahaan, menyediakan infrastruktur fizikal dan memperkasa modal insan.

Keperluan yang juga tidak usah diabaikan ialah penyediaan tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja sektor swasta. Pihak kerajaan telah pun menyediakan dasar dan program untuk memperengkap tenaga tempatan dengan kebolehan dan kemahiran yang diperlukan. Namun tidak ramai yang mahu berlumba untuk mengisikan peluang-peluang yang sedia ada.

Mengapa ini berlaku? Mungkin sahaja kerana mereka belum dapat melepaskan diri dari belunggu *comfort zone* dalam mana kebanyakan anak-anak tempatan kita masih terlalu berharap kepada sektor kerajaan untuk pekerjaan.

Semua ini patut dicari penyelesaiannya. Menyentuh mengenai keusahawanan, pada 1 Januari, 2015 yang baru lalu, beta telah pun memperkenalkan pindaan ke atas Akta Lesen Rampaian (Pindaan) 2015 yang antara lain memperuntukkan bagi Lesen Rampaian digantikan dengan Lesen Perniagaan. Alhamdulillah, beta mendapat maklum bahawa dengan pindaan tersebut Lesen Perniagaan sekarang boleh diperolehi dalam tempoh satu hari sahaja. Di samping itu, permohonan dan kebenaran bagi pendaftaran syarikat juga boleh dibuat secara *online*. Beta berharap peluang yang terbuka ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh semua generasi muda kita.

Akhirnya, beta dengan ikhlas merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan lain-lain Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-31 Hari Kebangsaan dan semua peserta serta petugas yang turut berusaha untuk menjayakan acara ini.

Beta juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua lapisan rakyat termasuk semua peringkat warga Perkhidmatan Awam, meliputi mereka yang bertugas di luar negara, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta dengan iringan doa semoga kita dan negara akan sentiasa terpelihara dan mendapat perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua, Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Majlis
Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah,
Sembahyang Sunat Hajat,
Membaca Surah Yaa Siin, Doa Kesyukuran dan
Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah
Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-31

**Majlis Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah,
Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin,
Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah
Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-31**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bersama rakyat dan penduduk di negara ini menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Berangkat sama, anakanda-anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja yang lain di pekarangan masjid dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 berserta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Majlis Doa Kesyukuran bermula dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang kemudiannya mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat dan seterusnya mengepalai bacaan Surah Yaa Siin.

Doa Kesyukuran dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah pula diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda bersama ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan menerima junjung ziarah para jemaah yang hadir pada majlis tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama anakanda-anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ketika menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.



DOA Kesyukuran dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah. (atas dan bawah)





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama anakanda-anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada kalangan jemaah yang hadir.



ANTARA jemaah yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 di Masjid Omar 'Ali Saifuddien. (atas dan bawah)





***Perhimpunan Agung Sambutan
Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-31***



Upacara Perhimpunan Agung Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 diadakan penuh gilang-gemilang di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke upacara tersebut.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan.

Juga menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan sejurus keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang kemudiannya dijunjung bagi memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan.



LAGU Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan sejourus keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB). (atas dan bawah)





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan PDB.

Upacara Perhimpunan Agung Sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 bermula dengan upacara perbarisan lalu di hadapan Pentas Diraja oleh lebih 22 ribu peserta yang mewakili 126 buah pasukan. Ianya didahului oleh Pembawa Bendera Negara Brunei Darussalam berukuran besar yang diikuti oleh Pasukan Pembaca Ikrar, Pasukan Pembawa Bendera-bendera Logo Hari Kebangsaan, ABDB, PDB, Pasukan Berpakaian Seragam, peserta Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), pasukan Orang-orang Berkeperluan Khas, Pasukan Cemerlang, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, wakil daerah-daerah dan sektor swasta.

Sambutan terus diwarnai dengan persembahan menarik 'Silent Drill' dengan penuh semangat oleh pelatih-pelatih PKBN.

Pasukan-pasukan dari institusi-institusi pengajian tinggi, maktab-maktab, sekolah-sekolah, persatuan-persatuan, pertubuhan awam dan pasukan warga asing di Negara Brunei Darussalam juga mengambil bahagian dalam upacara perbarisan tersebut.

Ikrar Hari Kebangsaan kemudian dilafazkan yang dikepalai oleh Awang Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk. Ikrar adalah sebagai tanda menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya sebagai tanda bersatu padu dan menumpukan taat setia di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Takbir 'Allahu Akbar' dilaungkan sebanyak tiga kali oleh ASP Wan Firdaus bin Haji Md. Aminuddin terus menyemarakkan lagi sambutan yang penuh gilang-gemilang.

Persembahan padang melibatkan hampir lapan ribu orang belia yang mewakili sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bercemar duli menerima junjung ziarah daripada para peserta yang menjayakan sambutan tahun ini.

Tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 ialah 'Generasi Berwawasan' yang menonjolkan generasi muda sebagai satu komponen yang cukup signifikan bagi merealisasikan hasrat negara secara menyeluruh di mana semangat jitu warga dalam menyatakan cinta, kasih dan taat setia kepada negara dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sekian lamanya berjaya memperkenalkan negara kepada dunia.

Tema berkenaan mendefinisikan sebagai golongan muda belia masa kini sebagai peneraju negara pada masa akan datang yang berwibawa lagi cemerlang.

Generasi Berwawasan seharusnya mempunyai pandangan dan pola fikir yang proaktif, kreatif, inovatif, tahan uji dan teguh dalam memimpin negara serta menjadikan negara lebih berdaya saing.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuka peluang seluas-luasnya serta menyediakan ekosistem pendidikan yang berdaya tahan bagi warganegaranya mendapat ilmu, termasuk usaha berterusan dalam menyediakan ilmu ukhrawi bagi melahirkan generasi cemerlang yang memiliki nilai, integriti dan sahsiah yang baik.



PASUKAN pembawa bendera kebangsaan dan bendera logo Hari Kebangsaan.



PASUKAN Pembaca Ikrar semasa melintasi Pentas Diraja.



ANTARA para peserta dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang menyertai acara perbarisan lalu sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31. (atas dan bawah)





ANTARA peserta dari syarikat-syarikat swasta yang turut menyertai acara perbarisan lalu sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31. (atas dan bawah)





SEMANGAT WAJA... pasukan Tentera Udara Diraja Brunei.



ANTARA pasukan yang menyertai perbarisan lalu semasa Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31.



PASUKAN Brunei LNG Sdn. Bhd. turut sama dalam perbarisan lalu sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31.



PASUKAN koir turut sama memeriahkan suasana sambutan dengan nyanyian lagu-lagu patriotik.



LAMBAIAN mesra Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejurus sebelum berangkat meninggalkan majlis.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bercemar duli menemui para peserta perbarisan dan persembahan. (atas dan bawah)





PARA penonton juga penuh semangat mengibarkan bendera kecil Negara Brunei Darussalam.



PARA pengunjung luar dan dalam negara juga tidak mahu melepaskan peluang menyaksikan acara perbarisan lalu dan persembahan padang Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31.



*GEMBIRA dan bangga kerana berpeluang menyertai Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31.
(atas dan bawah)*



Persembahan padang dukung tema 'Generasi Berwawasan'



Persembahan padang yang merupakan salah satu acara di dalam Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 telah diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibunegara.

Cuaca yang mengizinkan telah membolehkan upacara yang bersejarah dan penuh gemilang itu berjalan dengan licin dan lancar. Para peserta telah berada sejak awal pagi lagi lengkap dengan pakaian seragam pasukan atau kumpulan perbarisan dan persembahan masing-masing. Dari jauh wajah mereka terbayang kegembiraan kerana hari yang ditunggu-tunggu tersebut telah tiba dan masing-masing penuh bersemangat untuk mempersembahkan pertunjukan yang menarik.

Persembahan padang sempena Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 memfokuskan kepada tema 'Generasi Berwawasan' yang menekankan tentang pentingnya peranan dan tanggungjawab semua peringkat masyarakat di dalam mendokong aspirasi negara seperti Wawasan Brunei 2035, Falsafah Melayu Islam Beraja, Negara Zikir dan sebagainya.

Persembahan padang tersebut melibatkan 312 orang pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PBKN) dan 7,900 orang belia terdiri daripada pelajar sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi.

Para pelatih PKBN mempersembahkan Gerak Cergas Belia Berwawasan di dalam bentuk Silent Drill dengan diiringi muzik daripada gabungan Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Persembahan mereka mencerminkan kesediaan para belia menyahut seruan agar memenuhi hasrat dan cita-cita negara ke arah mencapai kecemerlangan.

Pesembahan berikutnya oleh pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi pula mengengahkan beberapa rekabentuk dengan pakaian berwarna warni dan pelbagai peralatan atau perkakas (props). Rekabentuk yang mereka persembahkan menjurus kepada ciri-ciri positif yang berkaitan dengan tema 'Generasi Berwawasan' seperti bintang yang mencerminkan golongan muda sebagai kumpulan manusia yang perlu terus digilap agar sentiasa bersinar dengan berlandaskan kepada falsafah MIB.

Persembahan padang diakhiri dengan para peserta membentuk angka 31 dan bulan sabit dengan diiringi lagu 'Generasi Berwawasan'. Tema Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 membawa maksud 'Generasi' sebagai pewaris bangsa dan peneraju kepada pembangunan negara manakala 'Berwawasan' sebagai suatu matlamat untuk mencapai hasrat negara. Dari itu, 'Generasi Berwawasan' didefinisikan sebagai golongan muda dan belia masa kini yang berwibawa dan cemerlang dan akan menerajui negara pada masa akan datang.

Di akhir upacara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bercemar duli menerima junjung ziarah dari para peserta perbarisan dan persembahan padang. Pada mereka, penglibatan dan penyertaan di dalam upacara yang gilang gemilang, penuh warna warni dan bersejarah itu merupakan satu pengalaman yang amat mengembirakan serta menjadi ristaan dan kenangan abadi di dalam kehidupan masing-masing.











***Upacara Menaikkan Bendera Besar
Negara Brunei Darussalam dan
Penyerahan Bendera Negara dan Poster
Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-31***

Bendera besar berkibar megah di ibu negara

Upacara Menaikkan Bendera Besar Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 telah diadakan di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di ibu negara.

Hadir pada upacara tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Juga hadir ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah; Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Timbalan-Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Upacara dimulakan dengan bacaan doa selamat dan surah Al-Fatihah, diikuti dengan penyerahan bendera besar kepada 20 anggota Tentera Laut Diraja Brunei yang diketuai oleh pegawai perbarisan, Awangku Abd. Rauf bin Pengiran Haji Yusof. Upacara menaikkan bendera besar Negara Brunei Darussalam diiringi dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh kumpulan koir daripada penuntut sekolah-sekolah menengah serta pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Pengerusi Bersama Majlis semasa berucap pada upacara tersebut antara lain menjelaskan pengibaran bendera pada hari-hari kebesaran negara termasuk Hari Kebangsaan tidak sepatutnya dipandang ringan atau 'dilihat sebelah mata' kerana bendera merupakan mercu keagungan bangsa, simbol kedaulatan, penghormatan, martabat bagi sesebuah negara dan patut dijunjung dan dijaga nilai kemurniannya.

“Kita seharusnya mewujudkan rasa bangga dan menanamkan semangat patriotik terhadap bendera kita kerana bendera adalah identiti kebangsaan kita.”

Sebagai rakyat yang bernaung di bumi Brunei Darussalam, tambahnya, kita berbangga kerana bendera kita berkibar dengan megahnya mewarnai negara kita yang aman damai dan harmoni, di samping melambangkan keagungan syiar Islam dengan mendukung konsep Melayu Islam Beraja (MIB).

Dato Paduka Dr. Haji Affendy menjelaskan pengekal tema ‘Generasi Berwawasan’ pada tahun ini menggambarkan penekanan dan tumpuan kita terhadap penghayatan yang tersurat dan tersirat di sebalik tema berkenaan dalam mengajak kita untuk menjunjung taat setia kepada raja, bangsa dan agama sekali gus menanamkan rasa cinta dan kasih sayang kita dan generasi akan datang.

Menteri Kesihatan kemudian menyampaikan bendera-bendera dan poster-poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 kepada Pegawai-pegawai Daerah.

Jabatan Penerangan telah mencetak sebanyak 3,000 keping poster sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 untuk diagih-agihkan di kesemua daerah termasuk agensi kerajaan dan sekolah-sekolah.

Pengibaran bendera merupakan satu simbolik dan ‘platform’ dalam menzahirkan perasaan cinta dan semangat patriotik kepada raja, negara, bangsa dan agama serta kesatuan dan perpaduan pada mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan identiti bangsa.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof hadir pada Upacara Menaikkan Bendera Besar Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31. Juga hadir ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara dan Timbalan-Timbalan Menteri.



MENTERI Kesihatan menyerahkan bendera besar negara kepada ketua pegawai perbarisan, Awangku Abd. Rauf bin Pengiran Haji Yusof bagi acara menaikkan bendera besar Negara Brunei Darussalam.



UPACARA Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 berlangsung di Kawasan Lapang Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di ibu negara.



MENTERI Kesihatan menyampaikan bendera negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 kepada Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abd. Karim (atas) dan kepada Pegawai Daerah Belait, Yang Mulia Awang Haji Haris bin Othman (bawah).





MENTERI Kesihatan menyampaikan bendera negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 kepada Pegawai Daerah Tutong, Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali (atas) dan kepada Pegawai Daerah Temburong, Yang Mulia Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah (bawah).





MENTERI Kesihatan menyampaikan poster Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 kepada Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abd. Karim (atas) dan kepada Pegawai Daerah Belait, Yang Mulia Awang Haji Haris bin Othman (bawah).





MENTERI Kesihatan menyampaikan poster Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 kepada Pegawai Daerah Tutong, Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali (atas) dan kepada Pegawai Daerah Temburong, Yang Mulia Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah (bawah).





PASUKAN Pandu Puteri dan pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) turut menyertai Upacara Menaikkan Bendera Besar Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31.





POSTER
SAMBUTAN ULANG TAHUN
HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-31

سمبوتن هاري كبڤسائن نڬارا بروني دارالسلام

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE-31 TAHUN



'GENERASI BERWAWASAN'

4 Jamadilawal 1436 / 23 Februari 2015





سمبوتن هاري كبغساان نكارا بروني دارالسلام

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE-31 TAHUN



'GENERASI BERWAWASAN'

4 Jamadilawal 1436 / 23 Februari 2015

Kibarkan Bendera Kebangsaan dan Bendera Peribadi
Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam
Ke-31 Tahun

Bermula 18 Rabiulakhir 1436 Hijrah hingga 7 Jamadilawal 1436 Hijrah
bersamaan
8 Februari 2015 Masihi hingga 26 Februari 2015 Masihi.



***LOGO SAMBUTAN ULANG TAHUN
HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
MELAMBANGKAN 31 TAHUN KEMERDEKAAN***

LOGO HARI KEBANGSAAN 2015

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Urus Setia Sambutan Logo Hari Kebangsaan telah mengadakan Peraduan Mencipta Logo Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31, Tahun 2015 yang dibukakan penyertaannya kepada orang ramai pada 13 Oktober 2014 hingga 5 November 2014.

Pihak Urus Setia telah menerima sebanyak 44 reka bentuk daripada 28 penyertaan yang bersesuaian dan bertepatan dengan ciri-ciri 'Generasi Berwawasan' sebagai Tema Hari Kebangsaan bagi tahun ini. Setelah penghakiman dijalankan, ciptaan logo Awang Abdull Rahman bin Ahmad telah dipilih sebagai pemenang peraduan tersebut dan menerima wang tunai sebanyak tiga ribu ringgit.

1. Panji-panji Negara Brunei Darussalam adalah sebagai lambang kedaulatan negara yang merdeka lagi berdaulat dan sentiasa dalam lindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua. Seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa menjunjung taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di samping menanai dan melaksanakan konsep Melayu Islam Beraja yang memacu ke arah Negara Zikir.




2. Logo yang berbentuk sekuntum bunga yang mekar, melambangkan wawasan dan hasrat negara untuk menjadikan negara sebagai sebuah Negara Zikir; menjunjung, menyokong dan menyanjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menuju Wawasan 2035.

Lima permata berwarna hijau tua dan lima permata berwarna hijau adalah perlambangan kepada dua generasi iaitu generasi tua dan muda yang sama-sama bergabung dalam merealisasikan pembangunan bangsa dan negara.



Lambang bulan sabit mencerminkan nilai keislaman manakala bentuk bulat kuning dikaitkan dengan biji tasbih yang menyatakan zikir sebagai senjata sebuah Negara yang berdaulat dan merdeka. 10 bulan sabit, 10 biji tasbih, 10 permata dan panji-panji negara berjumlah 31, memberi maksud Negara Brunei Darussalam sudah 31 tahun merdeka.



Tangkai bunga ini terdiri dari percantuman kaligrafi arab dan rumi bagi angka 7 dan 31. Kemerdekaan Negara bertunggakkan sinergi antara tujuh puak bangsa melayu yang bertahan dari dahulu dan selamanya. Generasi Berwawasan sentiasa mendukung dan menanai kedaulatan negara.



Ikrar Hari Kebangsaan

Dengan bersyukur di atas limpah dan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala yang mentakdirkan kami bernegara merdeka penuh berdaulat, iaitu Negara Brunei Darussalam maka kami berikrar akan:

Bersatu padu dan menumpukan taat setia di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;

Mempertahankan dan menjunjungnya dengan setia sebagai Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Agama Islam menurut Ahli Sunah Waljamaah sebagai cara hidup yang lengkap;

Berbakti dan rela berkorban pada mempertahankan maruah dan kedaulatannya serta memelihara keamanan dan keselamatannya;

Mendukung nilai-nilai akhlak yang sempurna, serta taat dan menjunjung keluhuran undang-undangnya;

Bekerja dengan gigih, jujur lagi amanah pada meningkatkan kemajuan dan kemakmurannya yang diredai oleh Allah.



LAFAZ ikrar Hari Kebangsaan yang dikepalai oleh Awang Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk sebagai tanda menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya sebagai tanda bersatu padu dan taat setia terhadap kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



***Rencana Khas Pelita Brunei
Sempena
Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-31***

Pembangunan selari jana perkembangan sektor pelancongan



Oleh:
Sastra Sarini Haji Julaini

Sektor pelancongan bukanlah satu sektor yang baru, malahan ianya merupakan satu sektor yang mempunyai potensi besar ke arah menjana ekonomi sesebuah negara.

Menurut Pertubuhan Pelancongan Dunia (World Tourism Organisation – UNWTO), sektor pelancongan mengalami pertumbuhan dan kepelbagaian berterusan menjadikannya salah satu sektor ekonomi yang cepat berkembang.

Pelancongan moden dikait rapat dengan pembangunan dan meliputi destinasi-destinasi yang baru. Ini menjadikan pelancongan salah satu kunci utama dalam kemajuan sosioekonomi sesebuah masyarakat.

Menurut UNWTO lagi, pelancongan telah menjadi salah satu pemain utama di peringkat perdagangan antarabangsa, dan telah menjadi sumber kewangan utama bagi banyak negara-negara membangun.



Antara faedah-faedah yang diperolehi melalui sektor pelancongan khususnya bagi masyarakat setempat ialah membolehkan pewujudan perancangan-perancangan yang teliti dari segi pembangunan, menjana peluang pekerjaan bagi pencari pekerja tempatan, dan juga turut memainkan peranan ke arah pertumbuhan sektor lain seperti pembinaan, telekomunikasi, perhubungan dan lain-lain.

Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan dalam mempromosi sektor pelancongannya yang menjadi salah satu kaedah bagi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mempelbagaikan ekonominya dan mengurangkan pergantungan terhadap sektor minyak dan gas sebagai sumber ekonomi utama negara.

Sektor pelancongan negara telah menampakkan perkembangannya. Menurut perangkaan dari Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, jumlah ketibaan pelancong ke negara ini pada tahun 2013 telah meningkat, iaitu 86,599 orang jika dibandingkan dengan 82,996 orang di tahun 2012.

Negara Brunei Darussalam berada di kedudukan unik dari segi geografi. Terletak di barat laut pantai pulau Borneo berhadapan Laut China Selatan, ia kaya dengan hutan hujan tropika, menjadikannya salah satu destinasi eko-pelancongan dan pusat penyelidikan yang diiktiraf di peringkat global.

TAMAN KEMBARA DAN INAP HUTAN HUJAN FREME

Di awal tahun ini, satu lagi tempat berpotensi untuk dijadikan sebagai tumpuan pelancongan telah dibuka secara rasmi, iaitu Taman Kembara dan Inap Hutan Hujan Freme di Taman Negara Ulu Temburong yang telah dibaik pulih.

Di samping membuka peluang pekerjaan, ia juga memainkan peranan dalam meningkatkan ekonomi negara. Taman Kembara dan Inap Hutan Hujan Freme menjanjikan aktiviti menyeronokkan dan tempat tinggal yang terkini dan selesa untuk dinikmati di dalam persekitaran hutan hujan semula bagi para pelancong dari luar negara mahupun dalam negara. Taman Kembara menawarkan pelbagai aktiviti menarik dan tahan lasak termasuk 'flying fox', jambatan gantung, kanopi, menara serta banyak lagi. Manakala Inap Hutan Hujan Freme pula telah mengalami perkembangan positif dengan kenaikan jumlah pelancong dari China, Hong Kong dan Jepun.

JERUDONG PARK COUNTRY CLUB

Satu lagi tempat menarik ialah Jerudong Park Country Club (JPCC) yang kembali beroperasi pada tahun 2014. Pelbagai permainan serta infrastruktur yang moden memberikan JPCC potensi daya tarikan pelancong. Yang terkini ialah dengan pembukaan Water Park di JPCC menjadikannya destinasi popular bagi keluarga untuk meluangkan masa berkualiti bersama.

MANGROVE PARADISE RESORT

Berhadapan Sungai Brunei, terletak di Kampung Sungai Belukut, Jalan Kota Batu, Mangrove Paradise Resort memberi pengunjung pemandangan yang indah dan tenang. Dibiayai di bawah Skim Kemudahan Perusahaan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama, tempat ini berpotensi besar membantu menjana ekonomi disamping membuka lebih banyak peluang pekerjaan dengan penambahan infrastruktur resort tersebut melalui projek fasa kedua yang akan menyaksikan pembinaan 10 buah chalet dua tingkat, jeti, surau dan sebuah dewan serba guna yang boleh memuatkan sebanyak 1,500 orang dijangka siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2015.

Namun dengan adanya destinasi-destinasi pelancongan yang menekankan ke arah kepentingan memelihara kehijauan alam semulajadi, ianya tidak akan mudah berkembang jika pembangunan di sektor lain juga tidak turut dipantau. Pembangunan selari membolehkan sektor pelancongan untuk terus berkembang.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI

Antara salah satu prasarana yang membantu ke arah perkembangan pelancongan ialah melalui projek memodenisasi Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Melalui projek modenisasi ini, para penumpang akan merasa lebih selesa di samping perkhidmatan-perkhidmatan yang ditambahbaik seperti sistem ketibaan bagasi baru yang mampu mengendalikan sehingga 1,330 beg sejam yang merupakan kemuncak waktu kapasiti penumpang, peningkatan 50 peratus dari kapasiti sistem yang sedia ada. Manakala dewan ketibaan baru tuntutan bagasi berukuran lebih besar iaitu 1,800 meter persegi jika dibandingkan dengan yang asal iaitu 1,165 meter persegi.

Dengan ‘open concept of high ceiling space’ bagi ruang pelepasan dan ketibaan, projek ini juga dijangka untuk melipat gandakan keupayaan lapangan terbang berkenaan untuk menampung dari 1.5 juta penumpang ke 3 juta penumpang setiap tahun.

PROJEK INTEGRASI PENGANGKUTAN UDARA ASEAN

Sektor pelancongan setempat juga turut dibantu dengan projek integrasi pengangkutan udara ASEAN. Dengan pembangunan sektor pengangkutan udara ASEAN, ianya bukan sahaja memberi kesan positif terhadap sektor pelancongan malahan juga turut sama penting bagi masa depan ekonomi, perdagangan, pelaburan serta perpaduan serantau juga sosial dan kemakmuran ekonomi. Pertumbuhan penerbangan akan memberi manfaat kepada penduduk tempatan dan perniagaan melalui mobiliti dan hubungan yang meluas, pertukaran pengetahuan dan banyak lagi.

JAMBATAN PERSAHABATAN

Selain pengangkutan melalui udara, pengangkutan melalui jalan darat juga memainkan peranan penting ke arah perkembangan sektor pelancongan. Jambatan Persahabatan yang menghubungkan Daerah Temburong dengan Negeri Sarawak, Malaysia membolehkan pengguna jalan raya termasuk pelancong untuk menuju ke destinasi-destinasi di kedua-dua buah negara termasuk tempat-tempat menarik.

Pembinaan Jambatan Persahabatan tersebut dianggarkan menelan belanja sebanyak BND9 juta yang dibiayai secara rata oleh kedua-dua buah negara manakala kos jalan hala tuju ke Jambatan Persahabatan adalah di bawah tanggungan negara masing-masing.

Sektor pelancongan bukan sahaja memberi impak kepada ekonomi malahan ianya memberi kesan yang mendalam terhadap pembangunan sosio-budaya sesebuah masyarakat. Ianya membuka peluang pekerjaan dan memberi ruang kepada lebih banyak perusahaan walaupun secara kecil-kecilan. Dengan perancangan yang mantap, sektor-sektor akan menerima imbalan yang positif ke arah menjana ekonomi dan seterusnya pembangunan negara yang lebih mapan.

Negara Kukuhkan Syiar Islam

Demi Kesejahteraan Rakyat dan Penduduk

Sempena Menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31, kita tinjau seketika langkah-langkah kerajaan di dalam mengukuhkan syiar Islam di negara ini.

Sebagai negara Muslim, ciri-ciri keislaman adalah ketara di negara kita. Apabila kita memandu di jalan raya utama dari Bandar Seri Begawan ke Kuala Belait, di sepanjang perjalanan akan terdapatnya masjid-masjid di mana jarak di antara setiap sebuah adalah tidak lebih dari sepuluh kilometer.

Secara purata, setiap kampung mempunyai sebuah masjid.

Apabila kita menuju ke sesebuah restoran, kita akan berlanggan dengan yakin bahawa makanan dan minuman yang disajikan adalah halal.

Apabila kita tidak pasti berapakah jumlah tepat bagi pembayaran zakat, kita akan berlanggan dengan sesebuah bank dengan yakin bahawa pihaknya berupaya untuk membantu kita di dalam urusan tersebut.


Pada setiap bulan Ramadhan pula, keyakinan kita adalah bertambah lagi dengan kehadiran para amil di setiap masjid yang sentiasa berkhidmat untuk para muslimin dengan penuh sabar dan dedikasi di dalam membantu kita menetapkan jumlah pembayaran zakat fitrah.



Bangunan Mahkamah Tinggi Syariah.




Jabatan Mufti Kerajaan.



Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Pada hakikatnya, usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam memelihara dan mengemilangkan syiar Islam di sini adalah tidak terhad perkara-perkara yang disebut sebentar tadi.

Malah usaha dan komitmen kerajaan terhadap syiar Islam adalah dikuatkan dengan pelaburan yang sofistikated yang menelan belanja berbilion-bilion ringgit setiap tahun.



Maklumlah, selaku umat Islam, kita bukan sahaja memikirkan pasal nasib kita pada saat ini tetapi juga nasib kita di akhirat nanti. Oleh sebab itulah kerajaan sedaya-upaya menyediakan prasarana tertentu bagi membolehkan kita memperbaiki hubungan kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala agar hubungan tersebut semakin lama semakin sempurna.

Hari Kebangsaan adalah hari bagi kita membuat renungan diri sendiri (self reflection) sebagai bangsa. Pada hari seumpama inilah kita teringat pada pencapaian bangsa kita dan segala perihal jasa bakti dan kebaikan bangsa kita. Dan pada saat seperti inilah juga kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita menikmati kehidupan yang selesa dan selamat di negara sendiri.

Justeru, sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-31, rencana ini mengetengahkan secara ringkas institusi-institusi kerajaan yang memainkan peranan utama di dalam menegakkan syiar Islam di negara kita.

LATAR BELAKANG

Di dalam struktur Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, terdapat tiga organisasi yang berperanan utama di dalam melaksanakan usaha mengemilangkan syiar Islam.

Tiga organisasi berkenaan ialah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Mufti Kerajaan.

MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI (MUIB)

Tugas dan peranan utama MUIB ialah membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam semua hal yang berkaitan dengan agama Islam.

MUIB ditubuhkan pada 1 Februari 1956 setelah tergubalnya Undang-Undang No. 20/1955 Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955.

Dengan tergubalnya undang-undang tersebut, maka jawatan mufti diwujudkan, dan kedudukan kadi-kadi dan mahkamah-mahkamah kadi ditinggikan dan dikemaskan.

KUASA-KUASA MAJLIS

Pertama, MUIB bertindak sebagai wasi bagi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang yang telah meninggal dunia. Majlis juga bertindak sebagai pemegang amanah bagi sebarang amanah.

Kedua, MUIB adalah pemegang amanah tunggal bagi semua harta Baitul Mal, semua wakaf samada wakaf am atau wakaf khas, semua nazar am dan semua amanah dari setiap jenis yang membuat mana-mana amanah khairat bagi menyokong dan mengembangkan ugama Islam menurut hukum syara.

Ketiga, MUIB memungut semua zakat dan fitrah yang dibayar di negara kita menurut hukum syara.

Keempat, MUIB menjadi nazir dan pemegang amanah bagi semua masjid di negara kita di samping menjadi pihak berkuasa bagi memberi kebenaran bagi pembinaan, pembaikan, penambahan, penutupan dan perobohan masjid.

Kelima, MUIB menyimpan daftar nama-nama semua orang yang telah memeluk ugama Islam di Negara Brunei Darussalam, bersama dengan butir-butir berhubung dengan penukaran ugama mereka sebagaimana yang telah ditentukan oleh aturan.

Keenam, MUIB membuat lantikan bagi orang-orang yang bersesuaian dan berkeelayakan untuk menjadi amil dan jurunikah.

Ketujuh, MUIB mengeluarkan kebenaran bagi sebarang pengajaran agama Islam di negara kita.

Kelapan, MUIB mengeluarkan kebenaran pengutipan derma yang bertujuan untuk menyokong dan mempertingkatkan syiar agama Islam dan kepentingan orang-orang Islam.

JAWATANKUASA- JAWATANKUASA

Jawatankuasa-jawatankuasa dan lembaga-lembaga yang diletak di bawah MUIB adalah seperti Jawatankuasa Undang-Undang (fatwa); Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat; Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam; Jawatankuasa Kawalan Kegiatan Keagamaan; Jawatankuasa Mengkaji Amalan-Amalan Beragama; dan lain jawatankuasa bagi menangani perkara-perkara tertentu.

PERSIDANGAN MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI

Dalam menangani masalah keagamaan dan menentukan dasar pentadbiran agama Islam di negara kita, MUIB sentiasa mengadakan sidangnya bagi membincangkan hal-hal yang berhubung dengan masalah aqidah dan syariah di samping isu-isu semasa yang lain.

Keputusan dan dasar yang dibuat oleh MUIB akan disembahkan ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai nasihat Majlis kepada baginda.

Seterusnya, dasar dan keputusan yang dibuat oleh MUIB yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Ini bermakna Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah tunjang kemajuan agama Islam dan pihak yang bertanggungjawab menjalankan semua dasar dan keputusan MUIB mengenai pentadbiran agama Islam di Negara Brunei Darussalam.

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Pada awal penubuhannya, institusi ini dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Ugama. Seterusnya Jabatan Hal Ehwal Ugama dinaiktaraf menjadi Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 21 Oktober 1986.

Selaku tunjang kemajuan agama Islam dan pihak yang bertanggungjawab menjalankan semua dasar dan keputusan MUIB mengenai pentadbiran agama Islam di Negara Brunei Darussalam, kementerian tersebut melaksanakan peranannya di dalam bidang-bidang berikut melalui jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawahnya.

Bidang-bidang yang dimaksudkan adalah seperti bidang pengurusan dan perkhidmatan yang merangkumi seminar dan kursus.

Kementerian Hal Ehwal Ugama mempunyai kepakaran di dalam bidang pendakwahan dan syiar Islam; bidang pendidikan Islam; pendidikan Al-Qur'an; bidang kemasjidan; bidang perundangan Islam; bidang kehakiman syariah; bidang penguatkuasa undang-undang; bidang kutipan dan agihan zakat dan pengembangan harta/asset Baitul Mal; bidang kerjasama keislaman; dan bidang pengurusan haji.

JABATAN MUFTI KERAJAAN

Lantikan mufti bagi Negara Brunei Darussalam buat pertama kalinya diadakan pada zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-28.

Pada 1 April 1962, Kerajaan Johor, Malaya ketika itu telah bersetuju meminjamkan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz menjadi Mufti Kerajaan selama tiga tahun, iaitu sehingga 31 Mac 1965. Kemudian beliau diperkenankan berkhidmat semula pada 8 Mac 1967 sehingga beliau kembali ke Rahmatullah pada 3 Februari 1993.

Negara Brunei Darussalam buat pertama kalinya mempunyai Timbalan Mufti pada 1 Januari 1989. Timbalan Mufti Kerajaan yang pertama ialah Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd Aziz bin Juned (sekarang Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja).

Kemudian, pada 1 September 1994 hingga sekarang, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abd Aziz bin Juned dilantik menjadi Mufti Kerajaan.

Di awal penubuhan Jabatan Mufti Kerajaan, jabatan tersebut adalah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Jabatan Mufti Kerajaan diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri sejak 7 November 1994 atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan penubuhan itu, Mufti dan para pegawainya tidak lagi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama tetapi terus bertanggungjawab kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Penubuhan ini sangat bermakna bagi syiar dan status Islam di negara kita. Fatwa merupakan ketetapan hukum yang diputuskan oleh Mufti yang mesti diikuti dan dipatuhi oleh umat Islam. Justeru, dengan kedudukan institusi Mufti yang tinggi akan dapat memainkan peranan dalam mengukuhkan status fatwa dan meletakkan martabat ugama Islam itu sendiri di kedudukan yang tertinggi.

Apabila dianalisa setiap sebuah institusi-institusi tersebut, kita dapat memikirkan bahawa usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam mengukuhkan syiar Islam di negara kita adalah sofistikated.

Dan pelaburan kerajaan yang berbillion-billion ringgit setahun bagi sektor ugama adalah bagi membolehkan rakyat dan penduduk beragama Islam di Negara Brunei Darussalam untuk lebih mendekatkan diri dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

'Generasi Berwawasan'

Bersemangat patriotik, daya saing yang tinggi



Oleh :
Hajah Zabaidah Haji Salat

Selaku warga dunia, Negara Brunei Darussalam adalah tidak terkecuali dari berhadapan dengan cabaran-cabaran yang dicetuskan oleh globalisasi. Ledakan teknologi maklumat yang semakin pesat dan canggih menyediakan ruang amat mudah untuk menyalurkan pelbagai agenda globalisasi, yang sesetengahnya membawa implikasi positif ataupun sebaliknya, terhadap pelbagai aspek kehidupan kita hari ini.

Di antara aspek paling mudah untuk dimasuki ialah sosiobudaya sesebuah negara dan bangsa. Ia akan melibatkan, terutamanya generasi belia dan malah ummah seluruhnya. Inilah cabaran yang sangat perlu dilalui oleh semua negara di dunia, dan ia tidak terkecuali negara kita, di mana jika kita lalai, akan membawa padah dan bencana, bukan saja kepada generasi kita tetapi juga kepada negara. Ini kerana generasi ketika ini adalah benteng yang paling diharapkan. Dari itu amat perlu bagi mereka untuk memiliki 'daya tahan diri' yang tinggi bagi menangkis segala gejala buruk dan jahat yang dicetuskan oleh globalisasi.



Dengan yang demikian, negara amat memerlukan generasi berwawasan yang boleh dan mampu menjadi pemangkin pembangunan negara, iaitu generasi pewaris masyarakat yang bakal memimpin negara untuk menstabilkan politik, memantapkan ekonomi dan mencapai kejayaan sosial, sebagaimana yang dihasratkan oleh negara dalam Wawasan Negara 2035, yang mahukan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, mempunyai kualiti hidup yang tinggi dan mempunyai pendapatan per kapita yang teratas setara dengan 10 negara teratas dunia.



Generasi berwawasan boleh didefinisikan sebagai golongan muda masa kini yang akan menerajui negara pada masa akan datang dengan ciri-ciri kepimpinan dan kewibawaan yang lengkap serta mantap demi mencapai misi dan visi negara untuk menjadi negara maju selaras dengan sasaran dalam wawasan negara. Dan ia amat penting untuk diberi perhatian dan tumpuan dengan sewajarnya kerana generasi berwawasan merupakan generasi pelapis para pemimpin masa hadapan.

Ia bersesuaian dengan tema Sambutan Hari Kebangsaan Ke-31 negara kita tahun ini, iaitu ‘Generasi Berwawasan’ yang disambut setiap 23 Februari.

MEMPUNYAI PENGETAHUAN TINGGI

Mereka juga perlu mempunyai semangat patriotik yang tinggi supaya negara berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain, di samping mempunyai daya saing yang tinggi supaya negara kita tidak ketinggalan berbanding dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

Selain itu, pelaburan negara yang paling besar ialah di bidang pendidikan. Sesuai dengan itu ia mesti diberi nilai, sejajar dengan tuntutan zaman utama negara, sebagaimana yang dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah mempunyai generasi yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dalam pelbagai bidang selaras dengan era globalisasi.

Dari itu, generasi berwawasan perlulah berpengetahuan luas dan mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pelbagai bidang. Sebagai contoh, mereka perlu melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dari pelbagai aspek seperti ekonomi, politik dan sosial. Hal ini penting kerana apabila seseorang itu mempunyai ilmu pengetahuan yang mencakupi semua bidang, mereka akan dapat membuat penilaian dan keputusan yang bijak dan rasional.

Mereka juga perlu menanamkan sifat tidak jemu dalam menimba ilmu pengetahuan. Iaitu mempunyai keinginan untuk belajar sepanjang hayat supaya ilmu sentiasa bertambah. Sementara ilmu yang diperoleh hendaklah dipraktikkan supaya tidak menjadi sia-sia. Apa yang penting generasi muda juga masa ini perlulah berusaha bersungguh-sungguh supaya dapat bersaing secara sihat antara satu sama lain. Oleh itu, para pelajar yang merupakan generasi pelapis akan dapat membersihkan diri daripada sebarang gejala yang tidak diinginkan, dan menjadi kaum intelek sejati, yang berperibadi dan bersemangat Melayu Islam Beraja (MIB), demi agama, bangsa dan negara.

ASAS AGAMA YANG KUKUH

Generasi berwawasan juga perlu mempunyai asas agama yang kukuh dalam diri, di samping mempunyai nilai-nilai yang tinggi. Di negara kita Brunei Darussalam memang terkenal dengan sifatnya mengamalkan agama menurut landasan yang sihat. Ia tidak pernah mencetuskan sebarang kekecohan, berkat fahaman yang kita pakai adalah menepati acuannya, iaitu bersesuaian dan sudah serasi dengan negara kita.

Pendidikan agama yang disediakan oleh kerajaan adalah bertujuan melahirkan rakyat dan penduduk di negara ini taat beragama, yang mana akan menjadi pelita ummah yang mempunyai kefahaman dan pegangan yang betul.

Dalam makna yang lain, negara amat menginginkan generasi berwawasan yang sempurna dan unggul, keinginan ini memanglah wajar dan luhur. Dengan yang demikian, kita amat menginginkan, mempunyai atau berupaya melahirkan generasi yang berilmu khasnya ilmu agama. Ini kerana Islam tidak menolak kemajuan dan perubahan. Malah Islam amat menggalakkan umatnya berusaha untuk mempertingkatkan diri dan asalkan tidak tercicir dari landasan syariat.

Justeru itu, generasi atau belia masa ini perlu diasuh, dididik dan dibimbing ke jalan yang benar dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala sehingga mampu menjadi generasi berwawasan yang boleh diharapkan dan dibanggakan iaitu generasi yang beriman, berilmu, beramal dan berakhlak mulia. Iaitu sejajar dengan konsep MIB yang diamalkan oleh negara sekian lama, dan telah menjadikan negara kita aman, sejahtera dan harmoni. Dan dengan itu juga hasrat untuk merealisasikan negara kita sebagai 'Negara Zikir' akan tercapai.

Mempunyai integriti yang tinggi dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan juga merupakan ciri yang perlu ada dalam diri generasi berwawasan. Di samping patuh kepada undang-undang negara agar tidak terlibat dengan perkara negatif yang boleh membawa kemudaratkan kepada diri generasi sendiri, juga kepada negara. Mereka juga perlu mempunyai minda yang terbuka, iaitu bersedia untuk menerima teguran dan pandangan orang lain, selain sentiasa dinamik dan progresif dalam melakukan sesuatu tugas yang diamanahkan.

Generasi berwawasan juga perlu sanggup menghadapi setiap cabaran yang mendatang tanpa mengenal erti putus asa. Berani melakukan perubahan dari segi sikap agar tidak bersifat jumud, di samping mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pelbagai bidang yang dikehendaki dan diperlukan negara, selain memiliki semangat dan daya juang yang mantap sentiasa bersaing dan berada di hadapan.

Pada kesimpulannya, generasi berwawasan mempunyai banyak kepentingan demi negara dan dalam kehidupan seharian kita. Antaranya, negara tidak akan mundur dengan adanya generasi yang berwawasan, mereka akan dapat memimpin negara dengan lebih kreatif dan optimis serta dapat mengatasi segala masalah negara dengan lebih bijaksana.

InsyaaAllah, dengan mempunyai generasi yang berwawasan, pembangunan negara akan menjadi lebih pesat, masa depan negara lebih terjamin, baik dan ekonomi negara akan meningkat.

Oleh yang demikian, hasrat murni kerajaan dalam Wawasan Negara 2035 perlu dicapai sebaik yang mungkin, di samping generasi atau belia masa kini sendiri perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai ciri dan sifat mahmudah untuk mencapai misi negara itu seiring dengan panduan dan tunjuk ajar yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

‘SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN KE-31’.

Melonjakkan pembangunan negara



Walaupun sebalik pergolakan dan cabaran-cabaran yang dihadapi dunia masa kini, negara kita masih terus mampu untuk mencapai perkembangan yang positif. Pada sepanjang tahun 2012 yang lalu, negara kita terus menikmati keamanan, kemakmuran serta kestabilan yang menggambarkan tahap kualiti hidup yang tinggi.

Berkat daulat serta kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan telah dapat melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pembinaan-pembinaan kemudahan dan juga keperluan-keperluan asas seperti perumahan, sekolah-sekolah dan lain-lain prasarana.



Oleh :
Pg. Hajah Fatimah
Pg. Haji Md. Noor

Sejajar dengan perkembangan dan keperluan semasa, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Pembangunan sentiasa berusaha untuk memastikan tahap infrastruktur di negara ini berupaya memenuhi kehendak rakyat, di samping sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan mendukung Wawasan Brunei 2035.

Antara pembangunan infrastruktur yang turut diberi perhatian ialah jalan raya yang menjadi kemudahan asas dan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara. Penyediaan rangkaian jalan raya merangkumi pembinaan, menaik taraf dan membaik pulih antara lain bertujuan untuk memudahkan perjalanan dengan selamat dan menjana aktiviti perekonomian.



CADANGAN PROJEK JAMBATAN TEMBURONG
The Most Monumental Project in Brunei History



Land Route and Water Route



● Main Issues

- ✓ Separation of land masses
- ✓ Security
- ✓ Transport efficiency

Temburong Bridge Route



● Bridging Brunei Darussalam

- ✓ Expand Infrastructure and Transport Links
- ✓ Strengthen National Security
- ✓ Diversify and Develop Socio-Economy
- ✓ Integrate Population and Community Activities
- ✓ Improve Resources Efficiency and Public Services

● Total Length

- ✓ About 30 km

● Main Works

- ✓ Viaducts
- ✓ Cable Stayed Bridges
- ✓ Tunnels
- ✓ Interchanges

PACKAGE CC2 - MARINE VIADUCTS

Pembinaan jalan-jalan di negara ini adalah mengikut perancangan yang digariskan dalam Pelan Induk Brunei Darussalam dan Pelan-Pelan Setempat di samping reka bentuk yang memenuhi spesifikasi am dan garispandu berasaskan piawaian antarabangsa. Satu pencapaian dan kemajuan penting dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat sejak tahun 1984 ialah penaikan taraf jalan-jalan daerah dan jalan masuk persendirian dari jalan batu ke jalan aspal. Penaik-taraf jalan masuk persendirian ini juga melibatkan pembinaan longkang, kalbat, dinding penahan, bendul, tanda jalan dan memindah perkhidmatan-perkhidmatan seperti kabel elektrik, kabel telefon dan paip air.

Dengan adanya prasarana yang mencukupi, untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini, ia adalah juga diharapkan akan dapat menarik pelaburan asing ke negara ini, bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara agar negara kita akan terus makmur dan maju. Untuk itu, beberapa jejambat dan jalan raya baru di samping kerja-kerja menaik taraf jalan raya serta memulihara jalan-jalan raya yang sudah ada adalah antara rancangan yang giat diungkayahkan pada masa ini.

Ini termasuklah 2 projek jambatan iaitu Projek Jambatan Temburong dan Projek Jambatan Sungai Kebun yang menjadi topik hangat di Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara tahun 2013. Kini, kedua projek berkenaan sudah bermula dan kita penuh komited untuk memastikan projek jambatan tersebut akan siap dalam tempoh pembinaan yang telah pun ditetapkan dan akan menjadi mercu tanda kegemilangan negara kita sebagai sebuah Negara Zikir yang aman, makmur dan cemerlang di bawah kepimpinan baginda.

Dalam usaha meningkat-majukan infrastruktur perhubungan dan jalan raya, dua buah projek jambatan baru telah dirancang dan bakal dibina akan menjadi salah satu mercu tanda kegemilangan pembangunan negara.

Projek Jambatan Temburong yang menghubungkan Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong merupakan suatu berita baik bagi rakyat dan penduduk sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada hari Keputeraan baginda Ke-66 tahun. Direkabentuk dengan ciri-ciri kebruneian, jambatan ini merangkumi pembinaan 2 'cable-stayed bridges' dan kira-kira 14.5 kilometer 'marine viaducts' merentasi Teluk Brunei, kira-kira 11.8 kilometer 'at grade road' dan struktur di Daerah Temburong, dan terowong dan 'at grade road' di Daerah Brunei Muara dihasratkan dapat mengurangkan kos dan masa perjalanan ulang-alik. Di samping itu, pelbagai kegiatan ekonomi dan pelancongan juga dapat ditingkatkan dengan adanya jambatan penghubung di antara kedua-dua daerah tersebut.

Manakala, jambatan baru yang menghubungkan Jalan Residency ke Sungai Kebun pula merupakan pembinaan jambatan kabel yang pertama di negara ini sepanjang 300 meter dengan jumlah panjang keseluruhan 607 meter. Harga kontrak yang dianggarkan bernilai BND138.9 juta dan diletakkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 dihasratkan dapat mengurangkan beban kesesakan lalulintas ditengah kesibukan dan pertumbuhan kawasan perumahan termasuk skim perumahan yang dirancang di Mukim Lumapas dan kawasan sekitarnya serta kegiatan ekonomi lain.

Perangkaan Jabatan Kerja Raya menunjukkan lebih 18,000 kenderaan berulang-alik setiap hari dari Mukim Lumapas dan kawasan sekitarnya dengan menggunakan Jalan Bengkurong Masin untuk pergi ke kawasan utama. Dengan terbinanya jambatan baru ini, dianggarkan 9,000 kenderaan akan menggunakan jambatan tersebut sekali gus membolehkan penduduk setempat sampai ke ibu negara dengan lebih cepat.

Pembinaan kedua-dua jambatan berkenaan sangat signifikan bagi kemudahan rakyat dan pertumbuhan ekonomi negara dan manifestasi kepimpinan seorang raja yang berwawasan dalam mencetus perubahan dan memacu pembangunan negara. Ia juga bakal melakar sejarah penting khususnya dalam aspek kerja-kerja kejuruteraan yang boleh dibanggakan dan menaikkan imej negara setanding dengan negara-negara maju di dunia.

PERUMAHAN

Di samping itu, dalam usaha kita mengekalkan dan meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga memperkenankan bagi Kemajuan Perumahan di negara ini.

Alhamdulillah, atas peruntukan yang begitu tinggi yang diberikan oleh Kerajaan bagi membina perumahan pada setiap tahun hingga hari ini, kita telah berjaya menyediakan sebanyak 37,974 unit rumah sejak tahun 1970 kepada keluarga-keluarga yang memohon perumahan, dan berjaya pula memendekkan tempoh menunggu dari melebihi 20 tahun kepada 15-20 tahun, 11-15 tahun dan ada yang kurang daripada 10 tahun. Kita akan terus berusaha untuk memendekkan tempoh menunggu di samping berusaha mereka bentuk rumah yang lebih selesa lagi.

Isu banjir juga telah banyak dibincangkan. Kita amat bersimpati kepada mangsa-mangsa banjir atas kesusahan yang mereka alami dan juga atas kerosakan harta benda mereka. Kita menghargai kesabaran dan ketabahan mereka dan kita juga tidak mahu mereka berterusan tinggal dalam keadaan yang membimbangkan setiap kali hujan turun.

Sejak tahun 1998, kita telah pun mempunyai Pelan Induk mengatasi banjir bagi semua daerah di negara ini secara berperingkat-peringkat, terutama di kawasan-kawasan yang mudah banjir (flood prone areas), seperti di kawasan pedalaman, kawasan yang rendah dan kawasan yang berhampiran sungai.

Di beberapa kawasan, projek mencegah banjir telah dilaksanakan, dapat dilihat bahawa kawasan tersebut tidak lagi mengalami banjir. Projek-projek yang dilaksanakan termasuklah membina kolam takungan air, melebarkan parit-parit dengan membina parit konkrit, memastikan aliran sungai dibesarkan atau didalami apabila perlu dan longkang tidak tersumbat, membina *outfall* untuk melarikan air yang berlebihan itu, menaik tinggi taraf ataupun paras jalan raya supaya dapat dilalui sama ada kereta atau pejalan kaki.

Kesemua projek mencegah banjir ini tidaklah dapat kita laksanakan serentak, tetapi berfasa-fasa. Insyallah, dengan adanya peruntukan yang baru iaitu sebanyak \$68 juta bagi projek-projek mitigasi banjir yang diluluskan. Untuk mempercepatkan penyiapan beberapa projek yang sudah direncanakan.

Dari segi kemudahan asas seperti bekalan air, Kementerian Pembangunan memastikan bahawa bekalan air bersih akan sentiasa mencukupi. Sebab itu, sejak beberapa tahun yang lalu, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perkhidmatan Air telah memberi tumpuan kepada pembinaan empangan air, menambah loji rawatan air dan mengganti paip-paip yang lama agar tidak berlaku kebocoran dan pembaziran. Kesemua ini dirancang agar bekalan air bersih tidak terganggu.

PEMANGKIN

Seluruh rakyat dan penduduk Pembinaan prasarana jalan raya dan kedua-dua jambatan baru yang dirancang dan bakal dibina serta psarana yang lain setentunya akan memberi impak positif terhadap kesejahteraan awam dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi serta pembangunan negara yang lebih mapan dan dinamik.

ABDB bentuk pertahanan mantap



Oleh :
Samlee Haji Jait

Rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Negara Brunei Darussalam pasti menyedari peranan besar yang dipikul oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dalam membentuk pertahanan negara yang sangat ampuh, mantap dan kukuh.

Kemantapan ABDB yang cukup menyerlah itu adalah di bawah pemerintahan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak kendur-kendur memberi semangat tinggi kepada warga ABDB untuk terus berusaha memainkan peranan masing-masing dengan penuh cecal, di samping melaksanakan tanggungjawab operasi dengan berkesan dan efisien.

Pada titah sambutan ABDB Ke-53 Tahun, baginda telah berkenan bertitah memberikan semangat dengan menyifatkan ABDB satu-satunya tonggak pertahanan negara dan perlu lebih mantap, hebat serta tinggi prestasi untuk menangani hambatan-hambatan semasa mahupun dalam peranannya untuk menjalin kerjasama-kerjasama serantau dan antarabangsa.



PENGENALAN

- ANGKATAN Bersenjata Diraja Brunei yang ditubuhkan pada 31 Mei 1904 mula dikenali sebagai Askar Melayu Brunei sebelum ditukar menjadi Askar Melayu Diraja Brunei pada 31 Mei 1965.
- Pada 1 April 1984, Askar Melayu Diraja Brunei telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan dinaikkan taraf menjadi sebuah angkatan yang dikenali sebagai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

PERKEMBANGAN

Bermula 1 Oktober 1991, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penyusunan semula struktur Organisasi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan menubuhkan unit-unit besar seperti berikut:

- Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATD DB)
- Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATL DB)
- Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATU DB)
- Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Dalam pada itu, baginda telah menegaskan agar segala usaha untuk meningkatkan keupayaan hendaklah dirancang dengan lebih sistematik, berasaskan kepada prinsip 'Raise, Train and Sustain', agar ABDB lebih yakin untuk melaksanakan tanggungjawab operasi dengan berkesan dan efisien.

Menurut baginda, antara langkah proaktif di peringkat pengurusan ialah pendekatan menyeluruh melalui keadaan pensejajaran dan menjadikannya sebagai budaya kerja yang mantap dan tidak lepas pandang terhadap wawasan dan tujuan pertahanan.

Baginda melahirkan keyakinan, pensejajaran dan misi yang jelas adalah mampu untuk menyuntik semangat dan tanggungjawab dengan lebih berkesan di mana penglibatan ABDB di peringkat antarabangsa adalah sebagai menghargai hubungan baik dengan negara-negara sahabat, iaitu satu dasar diplomasi pertahanan yang jitu.

Rakyat dan penduduk pastinya mengagumi peranan warga ABDB yang berusaha keras memikul tanggungjawab, menjaga keharmonian dan mempertahankan kedaulatan negara sehingga berjaya menyumbang keamanan dan kesejahteraan seperti yang dinikmati ketika ini.

Dari semasa ke semasa, ABDB terus berusaha memperkasa penghayatan nilai-nilai teras ABDB, iaitu 'Takwa, Setia, Berani dan Profesional' sebagai aset terpenting dalam menjana, mengamalkan dan menerajui kemakmuran negara pada masa kini dan akan datang.

Selain membentuk pertahanan negara yang mantap, ABDB terus tidak kendur-kendur memvariasikan dan berusaha dalam sama-sama berperanan menyambung sokongan ke arah usaha-usaha serantau dan antarabangsa terutama dalam operasi keamanan dan bantuan kemanusiaan.

Usaha murni ABDB itu telah mendapat pengiktirafan dan penghormatan yang tinggi dari masyarakat luar atas sumbangan dan kerjasama keamanan yang telah dihulurkan bagi memastikan kesejahteraan.

MANTAPKAN PENGALAMAN KETENTERAAN

Kemampuan ABDB dalam keterlibatan menerusi operasi-operasi menjaga keamanan, serantau dan antarabangsa seperti dalam misi pasukan pemantauan antarabangsa di Mindanao, Republik Filipina dan Pasukan Interim Bangsa-Bangsa Bersatu di Lebanon merupakan antara sokongan dan kerjasama negara yang dihulurkan dalam sama-sama meningkatkan keselamatan bersama dalam ASEAN dan antarabangsa.

Dalam memantapkan lagi pengalaman ketenteraan, ABDB telah menjalani latihan Kerjasama Kesiapsiagaan di Perairan (CARAT) sekali gus untuk meningkatkan kerjasama serantau, membina hubungan maritim dan keupayaan ketenteraan negara-negara yang terlibat.

CARAT yang melibatkan latihan ketenteraan bersama antara ABDB dan Tentera Laut Amerika Syarikat merangkumi latihan yang berpangkalan di pantai dan laut merupakan langkah yang dirangka untuk menangani keselamatan maritim serta meningkatkan operasi dalam kalangan angkatan ketenteraan.

CARAT Brunei adalah sebahagian daripada satu siri latihan dua hala di antara Tentera Laut Amerika Syarikat dan tentera dari sembilan negara rakan kongsi di Asia Selatan dan Asia Tenggara yang setentunya menjadi landasan menguji kemampuan anggota ABDB, di samping meluaskan lagi pengetahuan yang sangat berharga.

LATIHAN KETENTERAAN BERSAMA

Selain memantapkan aspek maritim, ekseseis ketenteraan bersama Brunei - Malaysia (BRUMAL) Setia Siri 11 / 2014 membuktikan kesepakatan TDM dan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) yang menyumbang kerjasama dalam melaksanakan sebarang permasalahan dapat dilaksanakan melalui semangat permuafakatan yang tulen dan profesional.

Sebagai negara berjiran, isu-isu keselamatan tradisional dan bukan tradisional semasa telah memberikan cabaran strategik yang perlu dihadapi secara bersama termasuk dalam menangani ancaman-ancaman seperti keganasan, transnasional, multinasional, bantuan kemanusiaan dan bencana alam.

Eksesais berkenaan juga menyumbang hubungan dan kerjasama yang baik antara kedua-dua negara bagi menjamin keamanan, kestabilan dan kemakmuran bersama.

ASET KETENTERAAN

Selain memiliki aset pertahanan yang serba lengkap dan canggih yang melindungi aspek maritim, udara dan darat, jiwa patriotik yang mendalam yang dimiliki oleh semua warga angkatan bersenjata juga mampu menjadi nadi utama bagi melindungi bumi Brunei Darussalam daripada ancaman luar yang ingin menggugat ketenteraman negara kita.

Kekuatan jiwa yang disuntik didikan keagamaan juga merupakan aset yang sangat bernilai yang menjadi senjata ampuh kepada semangat perwira setiap anggota.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-12 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan telah bertitah, keterampilan Pegawai-pegawai Kadet dan generasi muda, mengingatkan kita kepada prospek masa depan negara kerana masa depan negara itu lebih bergantung kepada tenaga dan kewibawaan generasi muda.

Atas asas itulah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia selalu menekankan supaya usaha meningkatkan tahap ilmu dan kemahiran dalam kalangan Pegawai-pegawai Tentera hendaklah sentiasa diutamakan kerana ilmu pengetahuan adalah pemangkin bagi semua keperluan, termasuk usaha melahirkan Pegawai-pegawai Tentera yang berkualiti dan profesional, yang celik teknologi dan berdaya saing.

KEKALKAN KEMAKMURAN

Peranan yang sangat besar oleh warga ABDB yang berjaya menyumbang kemakmuran dan keamanan Negara Brunei Darussalam perlu dikekalkan malah setiap rakyat dan penduduk juga perlu mengambil peranan menyokong usaha menanai kesejahteraan kita ini.

Selaku negara yang bebas, berkecuali, dan mempunyai angkatan bersenjata yang cekap dan hubungan antarabangsa yang meluas, Negara Brunei Darussalam berada dalam kedudukan yang terbaik untuk berperanan secara konstruktif dalam pelbagai keadaan.

Untuk mencapai objektif strategik ini, Negara Brunei Darussalam akan mengekalkan tanggungjawab utamanya untuk mempertahankan kedaulatan negara. Malahan, keutamaan adalah untuk meningkatkan keupayaan ABDB dalam usaha pemantauan dan pengawalan sempadan negara.

Memelihara kestabilan dan keselamatan di dalam negeri adalah juga penting untuk dijadikan sebagai pengasas keselamatan serantau dan antarabangsa.

Penanaman padi ke arah menjamin sekuriti makanan



Penanaman padi berskala besar adalah antara usaha pihak kerajaan bagi menjamin sekuriti makanan khasnya bagi rakyat dan penduduk di negara ini. Sekuriti makanan merupakan isu kritikal di peringkat global, yang mana dunia menerima ancaman kekurangan makanan akibat pengeluaran negara-negara pengeluar yang terjejas dengan perubahan iklim dan bencana alam yang tidak dapat diramal ini. Oleh itu negara kita patut menanamkan azam untuk memiliki sawah padi yang mampu menampung keperluan asasi rakyat.

Setelah 31 tahun mencapai kemerdekaan, rakyat dan penduduk negara ini patut menginsafi dan memandang jauh akan risiko dan akibat terlalu bergantung kepada negara-negara luar untuk mendapatkan keperluan bekalan makanan asasi, walaupun kita mampu mengadakan peruntukan untuk itu.

Jika sebelumnya penanaman padi di negara ini hanyalah satu amalan tradisi yang diwarisi dari satu generasi ke generasi namun sekarang penanaman padi menjadi agenda utama dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan.

KAJIAN DAN KEMUDAHAN

Terdapat beberapa faktor yang sangat penting dalam pengeluaran beras iaitu penyediaan tanah, kepelbagaian benih, pengeluaran benih, perlindungan tanaman, tanah, saluran dan perparitan. Oleh itu penyelidikan dan pembangunan padi adalah perlu bagi mengenalpasti kesesuaian varieti-varieti padi untuk ditanam di negara ini.

Pada 17 Mei 2013 Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Sosialis Viet Nam telah menandatangani Memorandum Persefahaman antara kedua buah negara bagi Projek Kerjasama Pertanian dan Perikanan. Antara projek yang telah diadakan di bawah memorandum persefahaman ini ialah Bengkel Penilaian Padi. Projek Perintis ini yang dilaksanakan di kawasan seluas dua hektar memfokuskan kepada dua kajian iaitu kajian kesesuaian varieti-varieti padi daripada Viet Nam dan kajian kadar biji benih dan pembajaan khusus bagi varieti padi OM 7347.



GENEFAGI
20 FEBRUARI 2013

Oleh :
Norliah Md.Zain

Sebanyak 10 varieti padi dari Viet Nam dan *Laila* telah ditanam di bawah projek tersebut dengan menggunakan teknologi penanaman padi dari Viet Nam bagi mengenal pasti kesesuaiannya untuk digunakan di negara ini.

Selain itu kajian turut dibuat di ladang pengusaha di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Projek Penanaman Padi Wasan, di samping pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (JPA) juga sedang giat menjalankan program-program penilaian kesesuaian varieti di daerah-daerah lain bagi menilai kesesuaian varieti-varieti tersebut di bawah keadaan 'sistem rainfed'.

Program penyelidikan yang dijalankan di ladang pengusaha adalah untuk memastikan kesesuaiannya dengan keadaan persekitaran di ladang mengikut sistem pengurusan tanaman yang lazim digunakan oleh pengusaha.

Kajian multilokasi ini akan dapat memberikan gambaran sebenar prestasi padi yang dikaji yang biasanya berbeza daripada penanaman di dalam rumah hijau yang mana persekitarannya adalah terkawal.

JPA adalah bertanggungjawab untuk sentiasa memastikan varieti-varieti yang disyorkan kepada pengusaha mengikut kehendak pasaran dan sentiasa bersedia dengan varieti-varieti baru mengikut keperluan semasa dari segi pengawalan musuh dan penyakit.

Dengan adanya varieti-varieti padi yang berhasil tinggi serta rintang terhadap musuh dan penyakit, pengeluaran padi akan dapat dilaksanakan secara mampan bagi memastikan sekuriti makanan negara sentiasa terjamin.

Jabatan itu juga sedang menjalankan program-program biak baka padi untuk menghasilkan varieti padi yang berhasil tinggi, rintang penyakit dan musuh di samping memenuhi cita rasa pengguna.

Projek ini akan diteruskan lagi di musim penanaman berikutnya dengan skala yang lebih besar dan dilaksanakan di keempat-empat daerah untuk menilai kesesuaian varieti-varieti tersebut di kawasan-kawasan yang berlainan.

Pengairan dan saliran juga telah diusahakan di beberapa kawasan yang mempunyai kemudahan yang sedia ada seperti Empangan Imang.

Sementara itu, saluran paip pengairan baru telah selesai dibuat meliputi kawasan Batong, Panchor Murai, kawasan Wasan, Bebuloh, Batang Perhentian dan Junjongan di Daerah Brunei dan Muara, manakala di Daerah Temburong dan Belait juga sedang dikenal pasti kecuali di Daerah Tutong kerana kawasan tanaman adalah kecil.

Dengan menangani keperluan air, tambahnya, padi boleh ditanam dua kali setahun dan bukan hanya satu musim sahaja.

MEMUPUK MINAT BELIA

Kerajaan sudah pun mengorak langkah dengan mengenal pasti para belia yang berminat dalam bidang keusahawanan khususnya pengusaha padi, di samping membantu serta memberikan belia galakan supaya berjinak-jinak mencari pendapatan sendiri dan secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan khususnya dalam bidang keusahawanan.

Rancangan pelapis muda ini dihasratkan agar lebih banyak lagi peserta belia menceburi perusahaan pertanian di masa akan datang dengan diberikan latihan, khidmat nasihat mengenai pengurusan ladang/tanaman padi dari peringkat penyediaan ladang hingga ke peringkat penuaian hasil, pemantauan berterusan, taklimat serta muzakarah bersama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk membantu ahli MPK ke arah pengeluaran hasil padi yang tinggi dan berkualiti.

Pada 20 Mac tahun lalu, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (JPA) bersama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Limau Manis, telah menganjurkan aktiviti Mengetam Padi Laila dua adik-beradik iaitu Awang Mohd. Noorniesahrul Yusree bin Haji Junit, 30 tahun, dan Awang Mohd. Nornishahril Ridhwan bin Haji Junit, 24. Penglibatan dua orang belia ini setentunya dijadikan contoh tauladan kepada para belia yang lain.

Bukan itu sahaja, malah Majlis Perundingan Kampung (MPK) seperti MPK Limau Manis juga telah berhasil melaksanakan program pelapis muda pertanian melalui projek penanaman padi di tapak Kawasan Kemajuan Pertanian.

Ladang tanaman padi MPK Limau Manis terletak di tapak Gazet JPA berkeluasan 50 hektar dan diusahakan oleh 21 orang pengusaha.

MPK Limau Manis telah mendaftar dengan JPA pada awal Oktober 2013 dan memulakan kerja-kerja pembersihan ladang hingga 9 November 2013 yang mana Majlis Pelancaran Penanaman Padi berkenaan telah diadakan pada 11 November 2013.

Hasil padi daripada ladang MPK Limau Manis adalah dianggarkan sekitar 150 metrik tan setahun yang mana hasil ladang ini setentunya dapat menyumbang kepada jumlah hasil keseluruhan padi negara. Perusahaan ini juga akan dapat membantu pengusaha-pengusaha ladang meningkatkan sumber pendapatan mereka.

Selain itu terdapat juga Projek Rintis Program Keusahawanan Belia 'Projek Rintis Padi Belia 2013-2014' dengan penanaman padi tempatan bertempat di Kampung Lamunin, Tutong. Para peserta telah menerima sijil mereka pada 9 Mac 2014.

Menjinakkan para belia kepada penanaman padi merupakan satu usaha agar pengeluaran padi pada masa akan datang dapat dilaksanakan secara mampan bagi memastikan sekuriti makanan negara sentiasa terjamin.

Bagi meningkatkan ilmu pengurusan padi yang baik Sekolah Perladangan Padi (SPP) telah ditubuhkan untuk mendidik petani mengenai amalan yang baik dalam penanaman padi. Selain itu turut diperkenalkan ialah jentera untuk menanam dan menuai.

PELAN INDUK

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (JPA) sedang merangka satu pelan induk bagi penubuhan sebuah Pusat Pemprosesan Padi Negara yang berteknologi dan berkapasiti tinggi untuk menampung jumlah padi yang sedang dan akan dihasilkan dalam negeri.

Pengeluaran padi dijangka meningkat hasil daripada Program Pengeluaran Beras Negara Ke Arah Mencapai Tahap Sara Diri yang telah dilancarkan pada tahun 2009.

Salah satu komponen dalam peringkat pertama pelan induk tersebut ialah penyediaan sebuah pengisar padi moden yang berkapasiti sederhana bagi menggantikan mesin pengisar padi yang lama.

Ke arah matlamat penubuhan Pusat Pemprosesan Padi Negara itu, sebuah Kompleks Pengisaran Padi telah dirasmikan pada 20 Ogos 2014. Projek yang bernilai USD3,916,110 (lebih kurang BND5,010,272) merangkumi pembelian, pembekalan dan pemasangan mesin pemprosesan padi berkapasiti 3.5 metrik tan padi sejam itu dijangka akan dapat menampung tahap pengeluaran 5,800 metrik tan setahun (20 peratus tahap sara diri).

Mesin pengisar padi ini, dijangka akan dapat mengisar padi-padi keluaran tempatan dengan lebih cepat dan efisien serta membantu mengawal kualiti lepas tuai beras tempatan.

Sebagai perancangan masa depan, KPSSU melalui JPA sedang merangka untuk meningkatkan kapasiti pengisaran kepada 7.5 metrik tan sejam bagi memenuhi pengeluaran maksimum 60 peratus tahap sara diri dan perancangan ini adalah termasuk dalam komponen Pelan Induk Pusat Pemprosesan Padi Negara yang mana akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi.

JAMINAN

Isu krisis makanan merupakan isu global yang merupakan ancaman serius kepada keselamatan negara. Ia bukan setakat menjejaskan kehidupan individu, malah krisis makanan juga boleh mengakibatkan ketidakstabilan politik dan sosial di kebanyakan negara yang mengalami masalah kekurangan bekalan makanan, sekaligus memberi ancaman kepada keselamatan dan kestabilan negara.

Oleh itu selaku rakyat dan penduduk di negara ini, kita seharusnya sama-sama berganding bahu dan menyinsing lengan dalam sama-sama menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan hasil padi. Kita perlu ingat bahawa dengan pertambahan rakyat permintaan makanan akan sentiasa meningkat dan ini akan mengancam stok makanan asasi negara jika kita tidak bertindak dari sekarang.

Wujudkan masyarakat bebas dari penyalahgunaan dadah



Oleh :
Hezlinawati Haji Abd Karim


Begitu cepat masa berlalu, tanpa disedari kini telah 31 tahun Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan. Di sepanjang tempoh itu juga negara cecal berusaha menjadi sebuah negara merdeka yang berdaulat dan terus berkembang maju di bawah kepimpinan bijaksana payung negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam usaha menjadikan bumi bertuah ini sebuah negara yang pesat membangun, memang pelbagai cabaran telah, sedang dan terus dihadapi oleh negara, salah satu daripadanya ialah bahaya ancaman dadah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri memandang serius akan hal tersebut sebagaimana titah Baginda sempena Sambutan Perayaan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-3 pada 23 Februari 1987.

“Belia-belua negara ini mestilah menghindarkan diri mereka daripada pengaruh-pengaruh dadah, kerana belia-belua yang menjadi penagih dadah adalah merugikan bangsa dan negara. Di sebaliknya belia-belua mestilah memerangi penyalahgunaan dadah dan membasmi masalah-masalah sosial di negara ini seperti tabiat merosak harta benda dan kemudahan-kemudahan awam, pengotoran alam sekitar, dan sifat tidak bertolak ansur di dalam penggunaan jalan raya.”

BIRO KAWALAN NARKOTIK

Isu penyalahgunaan dadah memang tidak dipandang ringan oleh pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Ini jelas terbukti dengan penubuhan beberapa agensi penguatkuasa undang-undang bagi menghadapi apa jua masalah dan ancaman yang boleh mengancam kemakmuran negara ini yang berkaitan dengan dadah dan benda-benda menghayalkan. Salah satu agensi terbabit ialah Biro Kawalan Narkotik (BKN) yang mempunyai matlamat untuk mendukung dan menimbulkan kesedaran terhadap dasar kebangsaan mengenai penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan yang



menghayalkan serta untuk mewujudkan masyarakat Brunei Darussalam yang bebas dari penyalahgunaan dadah. Selain itu BKN berfungsi sebagai agensi utama dalam menguatkuasakan Undang-Undang yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah dan bahan-bahan yang menghayalkan serta menyediakan perkhidmatan sokong bantu dari segi pengurangan kehendak melalui program pendidikan pencegahan penyalahgunaan dadah dan jagaan lanjutan. BKN juga berfungsi untuk menjadi agensi penyelaras bagi semua perkara yang berkaitan dengan pembasmian penyalahgunaan dan bahan-bahan yang menghayalkan.

STRATEGI BIRO KAWALAN NARKOTIK

Ke arah mencapai matlamatnya, BKN telah mengatur beberapa strategi iaitu:

1. Strategi Pengurangan Bekalan Dadah

BKN melalui Cawangan Pelaksana dan Risikan bertanggungjawab dalam strategi pengurangan perkilangan haram, penyalahgunaan dan pengedaran dadah dan jenayah lain yang berkaitan dengan dadah. Manakala bagi menghapuskan sindiket-sindiket pengedaran dadah secara berkesan di negara ini, BKN telah meningkatkan Prosedur Pengawasan Operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan tempat pemeriksaan yang lain di negara ini.

2. Strategi Pengurangan Permintaan Dadah

Strategi ini bertujuan untuk mendorong orang ramai dan bekas banduan daripada terlibat dalam aktiviti dadah haram dan pelaksanaan strategi ini adalah tanggungjawab Cawangan Pengawasan, Cawangan Pencegahan Pendidikan Dadah dan Pusat Al-Islah. Di samping itu usaha BKN dalam pendidikan pencegahan dadah untuk menggiatkan kesedaran awam dan menyebarkan mesej anti-dadah kepada orang ramai termasuk aktiviti-aktiviti berikut:-

- Program Advokasi dan Maklumat
- Program Pencegahan Dadah di Tempat Persekolahan
- Program Pencegahan Dadah di tempat Kerja di mana BKN bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan untuk membentuk isu dadah di kalangan pekerja di tempat kerja salah satu daripadanya ialah melaksanakan pengambilan air kencing secara rambang di tempat kerja.
- Galeri Pendidikan Pencegahan Dadah
- Bengkel Harapan

Selain itu strategi pengurangan permintaan dadah juga mengadakan Program Pengawasan dan Program Rawatan dan Pemulihan.

STATISTIK TANGKAPAN

Statistik tangkapan am 2014 BKN menunjukkan sejumlah 543 tangkapan telah dilakukan pada tahun lepas di mana tangkapan paling tinggi dibuat pada bulan Oktober iaitu 63 lelaki dan seramai 7 perempuan berjaya ditangkap. Statistik itu juga menunjukkan bahawa tangkapan paling banyak dibuat terhadap golongan lelaki berbanding wanita iaitu 469 tangkapan ke atas lelaki dan 74 tangkapan terhadap wanita.

Penglibatan golongan remaja di bawah 15 tahun juga merupakan sesuatu yang tidak boleh dipandang ringan meskipun pada tahun lalu hanya 4 tangkapan yang telah dibuat oleh BKN terhadap golongan tersebut. Statistik tangkap ke atas golongan belia juga agak membimbangkan di mana belia berusia 21 hingga 25 tahun sebanyak 80 tangkapan manakala 110 tangkapan pula dibuat ke atas belia 26 hingga 30 tahun. Melihat kepada angka-angka tersebut adalah wajar semua pihak termasuk orang ramai untuk saling berganding bahu agar penglibatan belia selaku aset negara, terhadap penyalahgunaan dadah semakin berkurangan malahan tidak mustahil bebas sama sekali dari belenggu dadah.

Statistik Tangkapan

Bulanan	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
Bil Tangkapan	41	45	49	54	35	64	44	36	59	70	46		543
JANTINA													
Lelaki	36	40	37	48	28	57	39	33	47	63	41		469
Perempuan	5	5	12	6	7	7	5	3	12	7	5		74
UMUR													
15 tahun ke bawah	0	0	2	0	-	2	-	-	-	-	-		4
16 – 20 tahun	0	3	3	2	5	9	2	-	5	6	8		43
21 – 25 tahun	1	6	5	9	8	11	4	5	15	7	9		80
26 – 30 tahun	10	10	15	13	7	7	11	8	12	9	8		110
31 tahun ke atas	30	26	24	30	15	35	27	23	27	48	21		306

LARANGAN UGAMA

Agama Islam yang merupakan agama rasmi di negara ini juga melarang umatnya dari melakukan sebarang perkara yang boleh merosakkan kesihatan pada tubuh badan dan akal fikiran, serta dirosakkan dengan pelbagai gejala buruk seperti penyalahgunaan dadah. Malahan dadah boleh membunuh manusia sedangkan Allah Subhanahu Wata'ala melarang segala perbuatan yang boleh menyebabkan kemusnahan diri.

Penyalahgunaan dadah yang berterusan akan mendatangkan pelbagai implikasi tidak baik kepada diri, keluarga, masyarakat, negara agama Islam. Oleh itu marilah kita selaku penduduk dan rakyat yang bertanggungjawab di negara ini bersama-sama berusaha menjadikan masyarakat dan Negara Brunei Darussalam bebas dari penyalahgunaan dadah. Jadilah kita selaku 'Generasi Berwawasan' yang jauh dari pengaruh dadah.

Jasa warga emas kepada negara sentiasa dikenang



Jasa dan pengorbanan yang telah disumbangkan oleh warga emas atau warga tua terhadap pembangunan keluarga, masyarakat dan negara memang tidak dapat dinafikan.

Di atas sumbangan dan bakti merekalah lahirnya generasi masa kini yang menjadi penerus kepada pembangunan masyarakat, bangsa, agama dan negara.

Bagi Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sangat mengambil berat terhadap kebajikan dan kesejahteraan golongan warga emas kerana selain untuk menjadikan warga emas di negara ini sebagai warga sihat yang bergiat aktif serta dapat meneruskan sumbangan kepada pembangunan bangsa dan negara, ianya juga bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi mereka.

Ini juga selaras dengan 'The Madrid International Plan of Action on Ageing 2002' yang memberi keutamaan ke arah penglibatan warga emas dalam pembangunan masyarakat dan peningkatan perkhidmatan kesihatan kepada golongan warga emas.



Sehubungan dengan perkara tersebut, satu Pelan Tindakan bagi menangani isu warga emas telah diluluskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kini sedang diimplimentasikan oleh Jawatankuasa Khas Bagi Menangani Isu Warga Emas dan Orang Berkeperluan Khas di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial yang mana ianya menggariskan tindakan-tindakan yang akan diambil dalam sembilan tajuk utama iaitu Dasar dan Perundangan; Kesihatan; Penyertaan Dalam Masyarakat; Pendidikan; Pekerjaan; Pengangkutan; Bangunan atau Infrastruktur; Sosial dan Rekreasi dan Penyelidikan.

Manakala jangka masa bagi tindakan-tindakan ini dibahagikan kepada Jangka Masa Pendek, Sederhana dan Panjang.

Di samping Pelan Tindakan ini, pelbagai program dan langkah ke arah memeduli golongan warga emas telah disediakan sekian lama.

Di antaranya ialah melalui program jaminan sosial (Social safety net) seperti pemberian pencen umur tua, pencen perkhidmatan, Tabung Amanah Pekerja, Skim Caruman Persaraan (SCP) dan pemberian bantuan kebajikan bagi mereka yang memerlukan.

Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai program yang lain seperti dari segi kesihatan iaitu melalui program Kesihatan Untuk Semua (Health for All) dan Cara Hidup Sihat (Healthy Lifestyle).

Begitu juga dari segi pekerjaan ialah seperti menyambung perkhidmatan pekerja bergaji hari yang telah mencapai umur 65 tahun.

Walaupun kerajaan telah menyediakan pelbagai program dan bantuan kepada golongan warga emas, namun usaha sebegini harus juga dipikul oleh semua golongan masyarakat.

Tidak kira di peringkat keluarga, masyarakat atau kumpulan seharusnya turut sama memainkan peranan penting dalam menangani dan membantu golongan warga emas.



Sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB), masalah seperti pengabaian warga emas tidak seharusnya berlaku di negara ini kerana itu setiap individu atau masyarakat perlu bertanggungjawab terhadap warga emas lebih-lebih lagi terhadap ibu bapa atau kaum keluarga masing masing.

Sementara itu, mana-mana pihak sama ada secara berkumpulan atau persatuan perlu turut sama memainkan peranan penting terhadap warga emas terutama bagi mereka yang pernah menabur jasa dan budi terhadap kemajuan dan pembangunan mana-mana kumpulan atau organisasi.

Di Negara Brunei Darussalam, definisi warga emas adalah mereka yang berusia 60 tahun ke atas.

Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) Negara Brunei Darussalam, anggaran jumlah penduduk yang berumur 60 tahun dan ke atas pada 2013, ialah seramai 25,900 atau 6.4 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk, sementara jumlah warga emas yang menerima Pencen Umur Tua dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) pada September 2014 ialah seramai 27,166 orang.

Manakala dari segi jangka hayat di negara ini bagi tahun 2013 ialah 75.7 tahun bagi lelaki dan 78.4 tahun bagi wanita.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh JPKE Negara Brunei Darussalam, jumlah warga tua yang berumur 60 tahun dan ke atas akan meningkat dari 25,900 orang pada tahun 2013 kepada 64,158 pada tahun 2030 berdasarkan pertumbuhan purata tahunan 1.7 peratus.

Dengan itu, dasar dan perancangan bagi menangani isu warga emas adalah amat penting dan perlu dimulakan seawal mungkin, agar Negara Brunei Darussalam tidak akan berhadapan dengan masalah yang kini dihadapi oleh negara-negara lain yang telah mengalami masyarakat penuaan (ageing society).

Bahkan keperibadian tulus Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memeduli hal ehwal kemasyarakatan rakyat dan Negara Brunei Darussalam termasuk kebajikan warga emas. Negara berasa beruntung memiliki seorang raja yang berkeperibadian unggul.

Warga emas sebagai golongan yang penting dan sentiasa terpeduli oleh masyarakat sememangnya kaya dengan pelbagai pengalaman dan sumber pengetahuan yang dapat dimanfaatkan oleh generasi yang lebih muda sebagai teladan dan panduan hidup. Generasi muda perlu menyedari adanya warga emas juga memberi sumber inspirasi yang berguna serta kebaikan kepada masyarakat dan negara.

Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memberikan perhatian, pemedulian dan menghargai akan kewujudan warga emas di negara ini.

Menurut kiraan statistik warga emas yang menerima pencen umur tua sehingga bulan Jun lalu bagi Daerah Brunei dan Muara seramai 16,462, seramai 5,468 orang di Daerah Belait, 3,867 orang di Daerah Tutong, 909 orang di Daerah Temburong dan menjadikan jumlah keseluruhan menjadi 26,706.

PROJEK MEMEDULI WARGA EMAS

Kesejahteraan dan kebajikan warga emas yang kurang bernasib baik turut menjadi perhatian dan pemedulian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) sebagai langkah proaktif bagi mengatasi permasalahan itu telah menubuhkan Projek Memeduli Warga Emas.

Projek ini dilancarkan pada 22 Jun 2005 oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud pada ketika itu.

Projek dikhususkan bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan warga emas yang kurang bernasib baik disebabkan oleh kesihatan yang terjejas, kecacatan ataupun yang tidak mempunyai dokongan keluarga yang mantap.

Pengenalan projek ini adalah sebagai langkah proaktif bagi mengatasi permasalahan yang melibatkan golongan warga emas serta menitikberatkan pembabitan ahli keluarga, masyarakat sekeliling dan para sukarelawan. Selain itu, projek ini juga bertujuan untuk memberi bantuan, khidmat atau pertolongan apabila warga emas memerlukan bantuan untuk melakukan aktiviti-aktiviti harian.

Projek tersebut juga membukakan peluang bagi para individu yang berkecenderungan untuk menjadi sukarelawan memberikan khidmat bakti mereka kepada warga emas yang memerlukan bantuan tersebut khususnya warga emas yang tinggal bersendirian, berkeadaan daif dan ditinggalkan sendirian kerana anak-anak bekerja, mengurangkan rasa bosan dan kesunyian warga emas, melibatkan ahli keluarga dalam memeduli warga emas, menggalakkan individu, pihak swasta dan NGOs untuk terlibat sebagai sukarelawan menjaga warga emas. Ianya telah dilaratkan di kesemua daerah di negara ini untuk memastikan golongan warga emas diberi penjagaan yang sepatutnya. Objektif utama projek ini mengekalkan nilai-nilai keluarga agar warga emas akan terus dihormati dan diberi perhatian, meningkatkan kesedaran orang ramai, sektor swasta dan pertubuhan sukarela mengenai perlunya penjagaan terhadap warga emas bagi mengekalkan survival, meningkatkan kesedaran terhadap kewajipan memelihara dan memeduli warga tua, meningkatkan taraf kehidupan warga emas dari segi fizikal, emosi dan sosial serta menyediakan bantuan dalam mengendalikan aktiviti kehidupan harian.

Projek ini dikendalikan dengan kerjasama HelAge Korea, Kementerian Kesihatan, negara-negara ahli ASEAN dan NGOs.

SAMBUTAN HARI ANTARABANGSA WARGA EMAS

Negara Brunei Darussalam meraikan Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas sejak tahun 1999 dan sambutan diadakan di keempat-empat buah daerah. Melalui sambutan ini golongan warga emas akan dilibatkan dalam pelbagai bentuk aktiviti seperti sukan, jualan produk, pertunjukkan dan lain-lain lagi.

Hari Antarabangsa Warga Emas jatuh pada setiap 1 Oktober. Tarikh ini telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

BANTUAN KEWANGAN BAGI WARGA EMAS

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga sentiasa peka kepada kesejahteraan warga emas Negara Brunei Darussalam dalam pemberian bantuan kewangan.

Pihak kerajaan sejak tahun 1955 lagi telah mewujudkan jaringan keselamatan sosial atau social safety net melalui pemberian Skim Pencen Umur Tua kepada rakyat dan penduduk tetap negara yang berumur 60 tahun ke atas mengikut Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya 1954. Skim ini bukan sahaja untuk menghargai dan memuliakan warga emas di negara ini tetapi sedikit sebanyak juga dapat membantu warga emas menyara keperluan seharian mereka dan menjalani kehidupan yang bermaruah (dignify living).

Dalam pada itu, bagi warga emas yang tergolong sebagai orang susah juga dipertimbangkan untuk menerima Bantuan Kebajikan Bulanan, di samping Pencen Umur Tua.

Pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1427 Hijriah / 2006 Masihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, kita di Brunei, sudah pun nampak kasih sayang Allah itu melimpah ruah. Kita telah menikmatinya semenjak sekian lama lagi berupa keamanan, keselamatan dan kemakmuran.

Menurut titah baginda, semua ini adalah berkat kebajikan yang terbit daripada niat baik semua peringkat, terutama dalam kalangan orang tua-tua kita yang menjadi pengasas kepada kebajikan-kebajikan yang ada.

“Mereka itu dikenang, dan akan terus dikenang. Kerana di antara sekian ramai warga tua itu, tentu sahaja terdapat sekian ramai pula mereka yang berjasa kepada negara,” titah baginda.

Oleh itu titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia lagi, sebagai mengenang jasa ini serta juga sebagai tanda, yang kita tidak pernah melupakan mereka, maka satu skim pencen telah diperkenalkan sejak sekian lama, yang diberi nama ‘Pencen Tua’.

Baginda bertitah, negara tidaklah pernah merasa rugi atau kekurangan dengan pengurniaan pencen ini, malah sebaliknya menjadi sumber berkat memantapkan lagi kemakmuran negara.

Maka kerana ini titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sebagai tanda bersyukur kita dan negara, baginda dengan sukacita mengumumkan kenaikan bagi kadar-kadar pencen umur tua dan elaun-elaun yang dibayar di bawah Akta Pencen Tua dan Hilang Keupayaan. Kenaikan ini berkuatkuasa mulai pada 1 Oktober 2006.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya telah memperkenalkan pembayaran pencen tua kepada rakyat dan penduduk negara ini yang mana kadar pembayaran pencen umur tua bermula sebanyak BND20 pada tahun 1955 dan kadar tersebut meningkat dari setahun ke setahun hingga sekarang ini sebanyak BND250 setiap seorang. Peruntukan pembayaran pencen umur tua bagi memastikan golongan warga emas sentiasa mendapat pemeliharaan yang secukupnya daripada pihak kerajaan.

PENJAGAAN MASA DEPAN WARGA EMAS

Ke arah memperkuat lagi komitmen dan kesungguhan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memberikan pemedulian dan pengiktirafan atas jasa dan sumbangan warga emas kepada pembangunan negara khususnya masyarakat setempat, sebuah Jawatankuasa Khas Warga Emas (JKWE) telah ditubuhkan yang menyediakan pelan-pelan tindakan pemedulian dan kegiatan warga emas bagi mengisikan waktu usia tua dan terus menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

JAPEM menjadi urus setia kepada Ahli JKWE dan Orang Berkeperluan Khas (OBK) iaitu salah satu jawatankuasa di bawah Majlis Kebangsaan Sosial.

Jawatankuasa yang dianggotai oleh pelbagai kementerian, jabatan kerajaan dan NGOs, bertanggungjawab dalam merangka dasar, undang-undang dan pelan tindakan yang membabitkan golongan warga emas dan OBK. Selain merangka jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam memastikan segala dasar, undang-undang dan pelan tindakan yang disediakan itu untuk menangani isu warga emas dan OBK. Juga menjadi perhatian jawatankuasa ini ialah untuk memastikan kerjasama yang erat antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam menangani isu warga emas dan OBK.

PENUBUHAN PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS

KKBS melalui JAPEM telah berjaya menubuhkan sebuah Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) pada 2012 di Jalan 77, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan dan telah dirasmikan pada 12 Mac 2013 oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Penubuhan PKWE ini bertepatan dengan strategi negara bagi mewujudkan warga emas yang sejahtera dan agar warga emas di negara ini akan dapat menjalani kehidupan aktif lagi produktif dengan mengisikan masa mereka dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat.

Pusat tersebut juga diharap akan menjadi salah satu *community support centre* bagi warga emas mengadakan aktiviti yang melibatkan masyarakat dalam pembangunan negara secara amnya.

Pembinaan pusat dilaksanakan secara kerjasama antara KKBS dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) serta NGOs dan sektor swasta dalam menyediakan sebuah pusat dukungan masyarakat untuk warga emas.

Pusat ini dihasratkan agar warga emas dapat mengikuti aktiviti-aktiviti berkebajikan yang membina, beriadah dan bersukan bagi menggalakkan penuaan aktif (active ageing).



MPMK gigih pandu anak buah kampung

Antara faktor kejayaan dalam pembangunan sesebuah negara itu adalah bermula daripada kepimpinan di peringkat akar umbi melalui Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang terdiri daripada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang memandu anak buah kampung bagi sama-sama berusaha lebih gigih lagi untuk melaksanakan dan memajukan setiap projek yang dirancang.

Sejak diperkenankan penubuhannya pada tahun 1992 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung adalah masing-masing bagi menggantikan Jawatankuasa Mukim dan Jawatankuasa Kampung.

Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ditubuhkan dengan tujuan mengukuhkan keberkesanan kepimpinan di peringkat akar umbi iaitu Institusi Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang selain memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam mendokong kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan merancang serta mengusahakan rancangan-rancangan bagi kesejahteraan rakyat serta penduduk.

Sejak pelancaran penubuhan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, kini terdapat 38 buah Majlis Perundingan Mukim dan 179 buah Majlis Perundingan Kampung di seluruh negara, masing-masing mempunyai keramaian ahli sebanyak 869 ahli MPM dan 3367 ahli MPK yang membawa jumlah keseluruhannya sebanyak 4,236 orang manakala bagi penasihat pada masa ini ialah 196 orang.



Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, satu Skim Perkhidmatan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam telah diperkenalkan dan berkuatkuasa mulai 1 Mac 1992 iaitu bagi menggantikan Syarat-Syarat Lantikan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung 1973.

Di bawah skim ini satu dasar baru telah diperkenalkan bagi pengisian jawatan penghulu mukim dan ketua kampung iaitu melalui proses pemilihan dan pengundian di mana mereka ini diundi oleh rakyat dan penduduk di Mukim dan Kampung berkenaan.

Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Skim Perkhidmatan Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung 1992 telah digantikan dengan Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 yang berkuatkuasa pada 1 Februari 1998.

TANGGUNGJAWAB

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada Majlis perhimpunan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Seluruh Negara pada tahun 2007 bertitah mengingatkan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di seluruh negara agar tidak pilih kasih dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab kepada masyarakat mukim dan kampung.

Baginda juga bertitah mengingatkan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung akan pentingnya mereka memelihara ciri-ciri keunggulan kedudukan mereka sebagai orang yang disegani dan dihormati kerana keselamatan, keamanan dan keharmonian mukim dan kampung bergantung dibahu mereka.

Juga ditekankan oleh baginda ialah pentingnya mengerakkan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sebagai penyalur khidmat bakti kepada masyarakat.

Justeru titah baginda, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung sebagai orang yang disegani dan dihormati hendaklah mengekalkan ciri-ciri keunggulan mereka kerana keselamatan, keamanan dan keharmonian mukim dan kampung bergantung dibahu mereka.

“Apabila disebutkan sahaja mukim dan kampung orang biasanya akan mencari siapa penghulu dan ketuanya. Mereka ini pada lazimnya adalah orang-orang yang amat disegani dan dihormati”.

Oleh itu, tambah baginda, para penghulu dan ketua kampung tidak boleh tidak dikehendaki untuk mengekalkan ciri-ciri keunggulan mereka selaku orang-orang yang dihormati itu.

Negara insya Allah, tambah baginda akan terus menikmati kehidupan aman, selamat dan harmoni selagi mukim dan kampung masih mempunyai penghulu dan ketua yang memiliki karisma dan kepimpinan berwibawa.

Juga ditekankan oleh baginda ialah pentingnya mengerakkan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sebagai penyalur khidmat bakti kepada masyarakat.

Justeru titah baginda, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung sebagai orang yang disegani dan dihormati hendaklah mengekalkan ciri-ciri keunggulan mereka kerana keselamatan, keamanan dan keharmonian mukim dan kampung bergantung dibahu mereka.

"Apabila disebutkan sahaja mukim dan kampung orang biasanya akan mencari siapa penghulu dan ketuanya. Mereka ini pada lazimnya adalah orang-orang yang amat disegani dan dihormati".

Oleh itu, tambah baginda, para penghulu dan ketua kampung tidak boleh tidak dikehendaki untuk mengekalkan ciri-ciri keunggulan mereka selaku orang-orang yang dihormati itu.

Negara insya Allah, tambah baginda akan terus menikmati kehidupan aman, selamat dan harmoni selagi mukim dan kampung masih mempunyai penghulu dan ketua yang memiliki karisma dan kepimpinan berwibawa.

ANUGERAH KAMPUNG CEMERLANG

Dalam pada itu, peranan dan kewibawaan Majlis Perundingan Kampung (MPK) melalui penghulu dan ketua kampung di seluruh negara terserlah dengan adanya program Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) yang merupakan salah satu program untuk mendorong MPK mencapai kecemerlangan untuk mewujudkan masyarakat produktif yang berkualiti, di samping untuk meningkatkan kemajuan dan kesejahteraan rakyat yang lebih 'sustainable' di negara ini.

Selain itu ia juga dapat mengangkat tahap kesejahteraan anak-anak kampung dan masyarakatnya kerana skim ini adalah berpaksikan kerjasama berkumpulan yang tidak terhad menghasilkan produk barangan dan perkhidmatan bahkan ia juga meliputi bidang pengurusan kampung, kegiatan kebajikan, pendidikan, sukan dan lain-lain kegiatan kemasyarakatan, kerana Majlis Perundingan Mukim dan Kampung adalah jentera penggerak, pemikir dan perancang bagi pembangunan masyarakat di kawasan masing-masing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada Majlis Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3 melahirkan harapan agar Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dapat menjalankan peranannya sebagai badan pergerakan akar umbi dan kemasyarakatan.

"Beta juga sangat mengharapkan supaya Skim Anugerah Kampung Cemerlang ini dapat merangsang ke arah usaha-usaha mensejahterakan masyarakat mukim dan kampung."

"Kejayaan dan kecemerlangan Projek Anugerah Kampung Cemerlang adalah berkait langsung dengan aspek kepimpinan, terutama sekali kepimpinan di peringkat akar umbi", titah baginda.

Baginda bertitah, sehingga sekarang kita masih bercakap mengenai kepimpinan, kerana kita sememangnya masih memerlukan kepimpinan yang berwibawa di peringkat akar umbi. Dengan adanya kepimpinan seperti ini, dapatlah diharapkan masyarakat akan menerima kesannya lebih mendalam bagi menghasilkan kemajuan yang lebih pesat dilingkungan mukim dan kampung.

Kejayaan, kemajuan dan kecemerlangan sesebuah mukim dan kampung titah baginda adalah terletak pada sejauhmana kepimpinan itu berlaku kepada anak-anak buah mukim dan kampung itu sendiri. Jika kepimpinan itu baik dan maju, pasti kesannya juga akan membuahkan kebaikan dan kemajuan.

Penghulu Mukim Berakas, Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon menjelaskan, salah satu cabaran dalam memimpin sesebuah mukim ialah dalam mengadakan mesyuarat mukim, selain mengadakan acara-acara ataupun projek-projek.

Peranan penghulu itu tambahnya, mestilah bekerjasama rapat dengan Jabatan Daerah, membuat laporan-laporan, memantau keselamatan dan kesejahteraan mukim dan kampung.

Sementara itu, menurut Ketua Kampung Lambak, Mejar (B) Awang Haji Mohammad Jair berkata kejayaan sesebuah mukim ataupun kampung pada asasnya bermula daripada kerjasama ketua kampung dengan Ahli Majlis Perundingan Kampung.

Dengan adanya kerjasama daripada ketua kampung selaku Pengerusi MPK, maka kerjasama ini menimbulkan satu kekuatan yang mana akan dilebarluaskan kepada penduduk-penduduk kampung.

Justeru itu jelasnya, penduduk kampung akan faham tentang tugas dan tanggungjawab ketua kampung dan juga ahli MPK yang mana ahli MPK ini berperanan menasihati kepada ketua kampung, bekerjasama kepada ketua kampung dan negara.

“Dengan adanya satu-satu projek yang diadakan atau diberi mandat untuk mengendalikan projek, kerjasama antara semua ahli perundingan kampung akan berjaya. Kerjasama adalah teras paling utama dan diperlukan bagi seorang ketua kampung dalam memimpin kampung”, ujarnya menambah.

Beliau seterusnya berharap agar kerjasama yang padu daripada penduduk dan ahli majlis perundingan itu akan dapat menghasilkan projek yang berjaya dan terlaksana.

Ketua kampung pada dasarnya adalah berperanan serta bertindak sebagai perantara dua hala bukan hanya sebagai ‘mata’, ‘telinga’ dan ‘lidah’ malahan sebagai ‘kaki dan ‘tangan’ kerajaan serta penduduk kampungnya bagi menjaga dan mengawasi kepentingan dan keselamatan kampung di bawah penjagaannya.

Di samping itu, seorang ketua kampung juga berperanan mengadakan perundingan, permuzakarah dan permuafakatan dengan Majlis Perundingan Kampung serta bersama anak-anak buah kampung mengenai apa jua perkara berkebajikan untuk pembangunan, kesentosaan dan kesejahteraan terutamanya yang berkaitan dengan permasalahan anak-anak buah kampung, keselamatan dan keamanan dalam sesebuah kampung dan negara umumnya.

Dengan cara itu, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung akan dapat mendekatkan diri dengan anak-anak buah mukim dan kampung dan seterusnya memperkukuhkan lagi jalinan silaturrahim di antara penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dengan anak-anak buah masing-masing sekali gus menyumbang kepada suasana mukim dan kampung yang lebih harmoni dan sejahtera.

Tenaga Kerja berkemahiran tinggi tonggak utama negara



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitikberatkan betapa pentingnya Negara Brunei Darussalam memiliki tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan bagi mengisi peluang-peluang pekerjaan di sektor awam dan sektor swasta.

Pendidikan mempunyai peranan yang sangat penting dan asas utama dalam menyumbang kepada keperluan industri dan pekerjaan bagi anak-anak tempatan, di samping itu ianya juga dapat melahirkan sumber tenaga yang berkualiti khasnya dari kalangan para pelajar.

“Negara bukan sahaja memerlukan rakyat berpendidikan tetapi juga yang memiliki sifat berkepimpinan dan beretika tinggi, yang mana perkara itu merupakan objektif kerajaan dalam menghasilkan sumber tenaga manusia untuk negara”.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom (UK) dan Ireland Utara yang terdiri daripada penuntut-penuntut, pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas, berkursus dan yang berada di UK dan Ireland Utara bersama keluarga dan Penganugerahan Biasiswa 'Chancellor's Scholar' Universiti Brunei Darussalam (UBD) Sesi 2013/2014 pada 29 Disember 2013.

Baginda juga menegaskan perkara yang sama semasa baginda bertitah Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2013 pada 31 Disember 2013, Kensington Palace, London United Kingdom.

Dalam titah baginda menegaskan, negara telah pun menyediakan biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional serta Skim Peningkatan Kapasiti Sumber Manusia untuk mempertingkatkan lagi kemahiran anak-anak tempatan yang sudah dan akan berkhidmat dengan sektor swasta.

“Inilah di antara usaha negara untuk mendapatkan sumber tenaga yang berkualiti khasnya dari kalangan para pelajar. Namun usaha ini sukar untuk berhasil, jika kita gagal memperlengkapkan anak-anak sekolah dengan kemahiran-kemahiran asas, seperti membaca, menulis dan mengira.”

PERUNTUKAN KERAJAAN

Pelaksanaan Program Dana Sumber Manusia di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) akan dipergiatkan dengan peruntukannya ditambah kepada BND50 juta berbanding BND28 juta bagi Tahun Kewangan 2013/2014.

Perkara ini dijelaskan oleh Menteri Kewangan II di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim semasa membentangkan Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan 2014/2015 Majlis Mesyuarat Negara 2014 pada Mesyuarat Pertama Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Musim Kesepuluh MMN pada 10 Mac 2014.

Sejak program berkenaan dilancarkan pada tahun 2006 jelasnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membelanjakan sejumlah BND426.4 juta untuk melaksanakan pelbagai skim di bawah Program Dana Sumber Manusia antara program-program yang disediakan serta pencapaiannya setakat ini termasuklah Skim Pembangunan Tenaga Pakar dan Profesional, seramai 119 orang telah dihantar bagi mengikuti pengajian di peringkat PhD, dan seramai 483 orang di peringkat Ijazah Sarjana dan melalui Skim Pembangunan Keupayaan Sumber Tenaga Di Sektor Swasta, seramai 391 kakitangan dari sektor swasta telah mengikuti pelbagai latihan dan kursus dengan perbelanjaan sebanyak kira-kira BND4.6 juta.

WAWASAN NEGARA 2035

Hasrat Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan menjelang Tahun 2035. Tunjang kepada kejayaan untuk mencapai wawasan berkenaan adalah sebahagiannya bergantung kepada sektor pendidikan negara ini. Justeru itu, peranan dan tanggungjawab Kementerian Pendidikan adalah amat besar sekali. Ini jelas tergambar daripada Peruntukan bajet Kementerian Pendidikan adalah antara yang tertinggi di negara ini dan ini menunjukkan betapa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil berat tentang pendidikan dalam aspek pembangunan negara ini.

Negara Brunei Darussalam merupakan salah sebuah negara di Asia yang menikmati taraf kehidupan yang paling tinggi, di mana pendapatan per kapita negara ini adalah salah satu yang tertinggi di Asia, itu kerana negara ini telah pun mencapai hampir kesemua sasaran Matlamat Pembangunan Milenium (Milenium Development Goals). Sementara itu taraf pendidikan dan kesihatannya juga di antara yang tertinggi di kalangan negara membangun. Kemajuan ini telah dapat dicapai dengan wujudnya kestabilan politik hasil dari pendapatan minyak dan gas yang dilaburkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam program pembangunan infrastruktur dan kebajikan sosial yang meluas.

Ke arah mencapai wawasan ini, tiga nilai utama juga perlu diterapkan iaitu Kesetiaan kepada Sultan dan Negara; Keyakinan terhadap nilai-nilai Islam; dan Keharmonian sosial dan amalan tradisi.

Sebanyak lapan strategi utama telah dikenal pasti bagi memastikan kesemua aspek pembangunan dalam menuju Wawasan Brunei 2035 dapat dilaksanakan secara sistematik dan berkesan. Kelapan-lapan strategi ini akan terus diselaraskan dan dimajukan oleh kerajaan, pihak swasta dan juga pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dan akan dilaksanakan dengan lebih baik.

- Strategi Pendidikan
- Strategi Ekonomi
- Strategi Keselamatan
- Strategi Pembangunan Institusi
- Strategi Pembangunan Perniagaan Tempatan
- Strategi Pembangunan Infrastruktur
- Strategi Jaminan Sosial
- Strategi Alam Sekitar.

Antara pelaburan kerajaan di dalam aspek perkembangan modal insan adalah dilaratkan kepada rakyat melalui skim-skim latihan kemahiran sumber manusia antaranya seperti :-

Dana Pembangunan Sumber Manusia (Human Resource Fund Scholarship) yang ditawarkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE); dan Biasiswa Perkhidmatan Pentadbiran Brunei Darussalam (Brunei Administrative Service Scholarship Scheme) yang ditawarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kedua skim ini adalah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk rakyat dan penduduk di negara ini.

Sementara itu, skim di bawah sektor swasta pula antaranya ialah Program Kadet Juruterbang Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei Airlines Cadet Pilot Programme). Syarikat berkenaan merupakan salah sebuah syarikat milik Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

DANA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

JPKE telah menyediakan empat program di bawah Dana Pembangunan Sumber Manusia untuk melaksanakan pelbagai skim pembangunan sumber manusia mengikut objektif dan kumpulan sasaran masing-masing.

Empat program tersebut ialah Program Pembangunan Kapasiti Tenaga Kerja Sektor Awam, Program Pembangunan Kapasiti Tenaga Kerja Sektor Swasta, Program Peningkatan Bilangan Sumber Tenaga Berpendidikan dan Berkemahiran, Program Keupayaan dan Kemahiran Tenaga Kerja Baru.

Program Pembangunan Kapasiti Tenaga Kerja Sektor Awam iaitu untuk meningkatkan kepakaran dan kemahiran sumber manusia yang bekerja di sektor awam. Terdapat dua skim iaitu Skim Pembangunan Tenaga Pakar dan Profesional (Latihan dalam Perkhidmatan) dan Skim Pembangunan Tenaga Pengajar; manakala Skim Pembangunan Tenaga Pakar dan Profesional (Latihan dalam Perkhidmatan). Ianya bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti sumber tenaga manusia di sektor awam dan memperbanyakkan pegawai kerajaan yang berpendidikan tinggi yang berkualiti dan kompeten.

Program Pembangunan Kapasiti Tenaga Kerja Sektor Swasta iaitu untuk meningkatkan kepakaran dan kemahiran sumber manusia yang bekerja di sektor swasta. Mula diperkenalkan pada tahun 2012. Ianya bertujuan untuk menyahut Wawasan Brunei 2035 dan menjadikan negara ini dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; memberi peluang yang sama kepada anak tempatan di sektor swasta sama seperti yang diberikan kepada pekerja di sektor Kerajaan untuk meningkatkan keupayaan mereka supaya menjadi lebih berdaya saing, profesional dan *marketable*.

Program Peningkatan Bilangan Sumber Tenaga Berpendidikan dan Berkemahiran iaitu disediakan untuk rakyat yang mempunyai pelbagai bakat atau kemahiran dan terdiri dari mereka yang belum masuk ke alam pekerjaan. Terdapat empat skim yang sudah berjalan iaitu Skim Biasiswa Khas; Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional Di Institusi Pengajian Dalam Negeri (BPTV); Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Institusi Pengajian Dalam Negeri (BPTV) – Energy Industry Competency Framework (EICF); dan Skim Internship Student Programme for ICT Related Education (InSPIRE).

Program Keupayaan dan Kemahiran Tenaga Kerja Baru iaitu untuk membantu anak-anak tempatan mendapatkan pekerjaan dengan memberi pelbagai latihan kemahiran untuk meningkatkan keupayaan mereka supaya dapat menjawat pelbagai jenis pekerjaan di pasaran khususnya di sektor swasta.

BIASISWA PERKHIDMATAN PENTADBIRAN BRUNEI DARUSSALAM

Biasiswa Perkhidmatan Pentadbiran Brunei Darussalam (BPPB) ini merupakan satu skim biasiswa khas yang ditawarkan oleh Jabatan Perdana Menteri bagi menghasilkan graduan yang cemerlang, berdaya saing dan berketerampilan untuk kerjaya sebagai Pegawai Pentadbir dalam perkhidmatan awam secara berperancangan jangka panjang.

Di bawah program ini dua jenis skim biasiswa ke luar negeri ditawarkan iaitu Biasiswa Khas peringkat 'A' Level; dan Biasiswa Khas Peringkat Ijazah Pertama.

Biasiswa Khas peringkat 'A' Level dikhususkan bagi pelajar cemerlang di peringkat Biasa ('O' Level) untuk melanjutkan pengajian di Peringkat Lanjutan ('A' Level) dan seterusnya ke peringkat ijazah pertama dan lanjutan; dan Biasiswa Khas Peringkat Ijazah Pertama pula dikhususkan kepada pelajar cemerlang di peringkat ijazah pertama dan seterusnya ke peringkat ijazah lanjutan.

BPPB ditawarkan kepada calon-calon dalam peringkat iaitu Calon-calon yang dipilih dari kalangan pelajar yang memperolehi keputusan peperiksaan cemerlang di peringkat Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa ('O' Level). Mereka akan ditempatkan di 'Boarding School' yang mempunyai 'track record' yang baik dari segi pencapaian peperiksaan dan kemudahan untuk menyalurkan penuntut-penuntutnya ke universiti-universiti ternama; dan Calon-calon yang dipilih dari kalangan penuntut-penuntut yang memperolehi keputusan cemerlang di peringkat Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan ('A' Level) untuk disalurkan ke institusi-institusi ternama.

Tempoh pengajian di peringkat ijazah adalah 4 hingga 5 tahun tertakluk kepada jenis kursus. Bagi pemegang biasiswa bermula dari 'A' Level, tempoh pengajian adalah sehingga maksima 7 tahun.

PROGRAM KADET JURUTERBANG PENERBANGAN DIRAJA BRUNEI (ROYAL BRUNEI AIRLINES CADET PILOT PROGRAMME)

Program tersebut menyokong pembangunan penerbangan komersil di negara ini, justeru itu Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) menjalankan Program Latihan Kadet Juruterbang dengan Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan. Program ini dirancang untuk melengkapkan golongan muda belia negara ini dengan kemahiran teknikal, kelayakan akademik dan pengalaman penerbangan yang diperlukan untuk menyertai syarikat penerbangan RBA iaitu salah sebuah syarikat milik Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Sejak program ini ditubuhkan pada tahun 1978, seramai 118 rakyat Brunei telah mengikuti program tersebut dan bekerja di syarikat penerbangan berkenaan. Program dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Pendidikan di bawah Bahagian Biasiswa.

Keupayaan negara kekalkan nilai, budaya Brunei

Oleh :
Khartini Hamir



Keupayaan negara dalam mengekalkan dan memupuk nilai-nilai kebudayaan adalah merupakan salah satu usaha dan upaya yang murni dalam membentuk masyarakat yang bertamadun dan penyayang sebagai cara meningkatkan pertumbuhan pembangunan masyarakat yang berdaya saing.

Negara dan masyarakat perlu sedar mengenai perubahan nilai budaya yang harus dilalui dari zaman ke zaman dan ianya tidak boleh diambil mudah kerana negara dan masyarakat terutama golongan belia perlu berusaha untuk mempertahankan, memelihara dan menegakkan nilai-nilai kebudayaan tempatan sebagai khazanah untuk generasi masa depan.

Di negara ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Bahagian Kebudayaan dan Kesenian berperanan antaranya memelihara dan memartabatkan peradaban kebudayaan yang merangkumi aspek-aspek ilmu pengetahuan, kesenian, kesusilaan, undang-undang dan adat resam.

Sebagaimana yang pernah dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa merasmikan Festival Kebudayaan Perkahwinan Etnik di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2013 bertempat di Atrium, Airport Mall.

Yang Berhormat dalam ucapannya menjelaskan kebudayaan itu dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu yang berbentuk kebendaan (tangible) seperti pakaian, peralatan dan kelengkapan dan bukan kebendaan (non-tangible) seperti adat istiadat, tatasusila dan undang-undang dan adat resam yang berkait rapat dengan masyarakat.

Dalam konteks mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan survival bangsa itu kebudayaan memainkan peranan yang penting dalam membina imej, jati diri dan identiti bangsa dan negara yang dapat memupuk dan mewujudkan kesedaran kenegaraan dan kebangsaan.



Selain itu, kebudayaan juga tambah Yang Berhormat berperanan ke arah memperkukuhkan ikatan sosial (social fabric) yang dapat mewujudkan keamanan, kestabilan dan kesejahteraan masyarakat, bangsa dan negara.

Kita di Negara Brunei Darussalam kebudayaan teras atau kebudayaan kebangsaan adalah didasari dengan berpaksikan kepada konsep Melayu Islam Beraja (MIB) dan ianya diwarnai dan dipelbagaikan oleh adat budaya yang diwarisi dan diamalkan.

Kepelbagaian adat budaya yang terdapat di negara kita menjadikan kebudayaan bangsa Brunei itu mempunyai keunikan dan nilai-nilai estetikanya tersendiri yang mencerminkan keharmonian dan perpaduan yang kukuh dan teguh di kalangan bangsa Melayu Brunei dengan berpandukan agama Islam yang mengikut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah sebagai agama rasmi negara dan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

KRAF TANGAN DAN PERMAINAN TRADISIONAL BRUNEI

Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei dengan penghasilan seni kraf tangan dan permainan tradisional juga turut memainkan peranannya dalam mengekalkan nilai dan kebudayaan Brunei dengan merangsang dan membantu para pengusaha tempatan untuk memelihara dan mengekalkan hasil kraftangan tradisi negara ini.

Selain itu, ianya juga merupakan sumber pendapatan kepada para pengusaha dan dapat menjana ekonomi negara dengan mempromosikan pembelajaran dan kesedaran bagi petukang termasuk mengembangkan pasaran dan meningkatkan produk dan kualiti, kemahiran dan teknik serta mempelbagaikan dan memperkayakan kraftangan supaya sentiasa berdaya saing.

Di samping itu, ia juga dihasratkan bagi memberi galakan kepada generasi muda untuk mengikuti berbagai kursus kraftangan yang ditawarkan di pusat berkenaan dalam usaha untuk membangunkan industri kraftangan Brunei dan ekonomi negara.

Menyentuh mengenai persembahan dan permainan tradisional negara pula seperti persembahan gulingtangan dan seni bela diri seperti silat selain permainan tradisi seperti permainan latup latupan, saluk salukan, gading dan sugang adalah merupakan beberapa permainan dan persembahan tradisi yang sering diadakan di majlis-majlis keraian di negara ini yang bertujuan untuk mendedahkan serba sedikit budaya tradisi Negara Brunei Darussalam ke mata dunia antarabangsa.

BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA RASMI NEGARA

Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara sepertimana yang telah termaktub dalam Perlembagaan Negara tahun 1959, Bab 82 (1). Sebagai sebuah negara yang mempunyai tujuh puak iaitu Puak Melayu Brunei, Puak Belait, Puak Bisaya, Puak Dusun, Puak Kedayan, Puak Murut dan Puak Tutong, di samping etnik dan bangsa lain serta penduduk tetap yang berkenaan, penguatkuasaan bahasa Melayu dalam kalangan penduduk negara ini adalah dititikberatkan.

Usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara bermula pada bulan April tahun 1960 lagi apabila sebuah lembaga yang dikenali ketika itu sebagai Lembaga Bahasa yang kemudian dikenali sebagai Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 1 Januari 1965 ditubuhkan.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan dalam menyahut saranan kerajaan yang mana bukan sahaja setakat bahasa Melayu dimasukkan dalam Dasar Pendidikan Negara sejak tahun 1962 akan tetapi usaha berkenaan telah dimantapkan dengan pengekalan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam Dasar Pendidikan Negara pada sekitar tahun 1972.

Selain itu, antara syarat-syarat kelayakan untuk memasuki institusi-institusi pendidikan tinggi dalam dan luar negara melalui pembiayaan biasiswa kerajaan yang ditawarkan juga menekankan bahawa setiap pemohon mestilah lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dengan kepujian di peringkat General Certificate of Education Ordinary Level (GCE 'O' Level).

Di samping itu, institusi-institusi kerajaan yang lain juga memainkan peranan dalam sama-sama memartabatkan bahasa Melayu di negara ini antaranya dapat dilihat melalui penggunaan ejaan, pemilihan kata serta penggunaan bahasa Melayu yang betul dan tepat dalam penulisan persuratan, ucapan dan juga pertuturan bersama pelanggan atau pihak luar, penggunaan papan-papan tanda berbahasa Melayu, akhbar rasmi kerajaan, Pelita Brunei dan urusan di kaunter-kaunter kerajaan.

Namun demikian, mendaulatkan Bahasa Melayu tidak mencukupi sekadar ianya sudah termaktub sebagai Bahasa Rasmi Negara di dalam perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan disusuli dengan peraturan-peraturan dan arahan-arahan pentadbiran di dalam bentuk surat-surat keliling.

Ianya perlu diperkukuhkan dengan tindakan, amalan dan penghayatan bagi mempraktikkan penggunaan dan mengembangkan bahasa Melayu itu sendiri di dalam kehidupan seharian oleh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Perkara tersebut juga pernah disentuh oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah di Majlis Perasmian Sambutan Bulan Bahasa 2013 yang bertemakan 'Daulatkan Bahasa Melayu', yang mana jelas Yang Berhormat usaha-usaha untuk mendaulatkan bahasa Melayu itu memerlukan kegigihan dan kesungguhan.

Manakala pendekatan untuk mengangkat dan mengembangkan bahasa Melayu memerlukan dynamisma, kreativiti dan inovasi dalam tindakan dan pelaksanaan. Ini kerana usaha memartabatkan bahasa Melayu itu adalah satu perjalanan melintasi zaman yang akan diteruskan dan diwarisi oleh generasi muda sekarang dan yang akan datang.

Oleh yang demikian, masyarakat dan generasi muda hari ini tidak boleh menolak ke tepi penggunaan bahasa Melayu kerana ia merupakan identiti, jati diri dan kebanggaan bangsa. Mereka perlu mengangkat martabat bahasa Melayu ke suatu aras yang lebih tinggi. Malah dengan mendaulatkan bahasa Melayu ianya merupakan sebagai satu sumbangan besar untuk memperkasa dan mengekalkan identiti dan jati diri bangsa.

Maka, di sinilah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memainkan peranan yang sangat penting ke arah memasyarakatkan secara meluas penggunaan bahasa Melayu dengan pendekatan dan kaedah yang menarik dan selaras dengan perkembangan teknologi info-telekomunikasi.

Daripada kaedah biasa dan stereotype yang sering digunakan, DBP perlu meneroka pendekatan baru melalui industri kreatif, media sosial dan elektronik antaranya dengan mengadakan program pembelajaran bahasa Melayu dan menghasilkan promo, iklan, drama dan sitkom televisyen dan radio yang bersangkutan dengan Bahasa Melayu.

Generasi muda perlu mempunyai keyakinan bahawa suatu bangsa yang maju terletak kepada kesediaan dan kesanggupan untuk memakai dan memartabatkan bahasa mereka sendiri.

Sejarah telah membuktikan bahawa kejayaan negara-negara maju seperti Jepun, Korea, Amerika Syarikat dan di Benua Eropah adalah berpunca daripada mendaulatkan bahasa kebangsaan masing-masing, mereka memoden, membangun dan memajukan negara dan bangsa dengan bahasa ibunda mereka.

Sehubungan dengan ini perlu kita mengamat-amati akan titah saranan dan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan DBP, yang antara lain bertitah:

“Bahasa Melayu adalah bahasa besar, bahasa yang cukup syarat serta berpotensi untuk menjadi salah satu bahasa dunia, mengapakah kita ketandusan usaha dan cita-cita ke arah itu.”

Alhamdulillah, sehingga kini usaha untuk mendaulatkan Bahasa Melayu telah berjalan dengan giat dalam bentuk interaksi dan penggunaan secara meluas di dalam hubungan lisan dan persuratan pentadbiran kerajaan.

Sebahagian langkah-langkah memartabatkan bahasa Melayu itu berbentuk instrumental, contohnya Jabatan Imigresen Dan Pendaftaran Kebangsaan yang mensyaratkan lulus dalam ujian Bahasa Melayu bagi mereka yang memohon untuk mendapatkan kerakyatan di negara ini, sementara Kementerian Pendidikan pula mensyaratkan lulus Bahasa Melayu bagi pelajar atau mahasiswa sama ada untuk memasuki universiti atau mendapatkan biasiswa melanjutkan pelajaran ke seberang laut.

PERANAN ADAT ISTIADAT DALAM MEMUPUK NILAI DAN KEBUDAYAAN

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, kedudukan adat istiadat adalah unik juga terbukti menjadi teras yang kukuh mendukung kehidupan dan sistem pemerintahan beraja dan sehingga ke hari ini, ianya menjamin keamanan, keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan penduduknya, yang akan terus di nikmati pada masa hadapan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda demikian pada Majlis Istiadat Pemasyhuran Tokoh Adat Istiadat Sepanjang Zaman Bersempena Hari Adat Istiadat 2014, berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda sebagai sebuah negara yang wujud dan mendukung konsep Melayu Islam Beraja (MIB) sejak lebih 600 tahun, pengukuhan serta pengamalan adat istiadat adalah mustahak pada memastikan kelangsungan dan kewujudan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara MIB.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia, hanya melalui kefahaman yang mendalam sahaja yang akan berupaya meningkatkan lagi penghayatan serta kesedaran tentang pentingnya mempertahankan warisan khazanah yang amat berharga.

Justeru kewujudan dan ‘survival’ Adat Istiadat Kebruneian adalah merangkumi adab sopan akhlak yang murni, seni yang tinggi falsafah yang mengandungi makna dan pengajaran yang tersendiri aturan-aturan dan tatacara pergaulan yang unggul merupakan tanggungjawab bersama.

Seperti mana yang pernah disabdakan oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, menekankan mengenai perkara itu pada Majlis Penutup Kursus / Bengkel Adat Istiadat bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam, bertempat di Dewan Persantapan Lapau, Jabatan Adat Istiadat Negara.

Selaku warga Perkhidmatan Awam (PA) dan juga sebagai purih bangsa Brunei sabda Yang Amat Mulia, kita bersama-sama memainkan peranan penting bagi menjaga, memelihara dan mempertahankan sebaik mungkin khazanah ini agar dapat dijadikan sebagai pusaka yang abadi dan seterusnya dijadikan cerucuk pembinaan bangsa.

Tambahnya, selain itu kitani juga berkewajipan mendukung konsep MIB, bersikap dan perilaku yang terangkum dalam konsep tersebut sudah tentu memperlihatkan kemanisan dan keindahan ciri-ciri kemelayuan, keislaman dan mentaati kepemimpinan raja.

Dari itu, Negara Brunei Darussalam sangat terkenal dengan kekuatan falsafah negara di seluruh dunia yang berlandaskan konsep MIB dengan berpandukan Ugama Islam serta kemakmuran rakyat dan kesejahteraan seluruh penduduknya sangat terjamin di bawah perpaduan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai seorang Raja yang dikasihi rakyat dengan membekalkan keislaman yang murni.

Hubungan luar negara diperkukuh



Negara Brunei Darussalam merupakan salah sebuah negara terkecil di dunia yang terletak di tengah-tengah kepulauan Borneo. Sepertimana di negara-negara yang sedang membangun, negara kita juga telah mengamalkan dasar berbaik-baik dengan negara luar bahkan sentiasa mengeratkan dan mempertingkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang demi kepentingan negara.

Negara kita juga mengekalkan prinsip untuk mengukuhkan persefahaman dan saling bantu-membantu dalam apa jua masalah serta tidak campur tangan dalam hal ehwal negara masing-masing.

HUBUNGAN DENGAN NEGARA-NEGARA LUAR

Kerjasama negara kita dengan beberapa negara luar di serata dunia telah menghasilkan kesepakatan dan keakraban yang semakin hari semakin berkembang dengan baik. Demi mencapai kemajuan, negara telah menjalin hubungan dua hala, perjumpaan empat mata, lawatan negara, mesyuarat-mesyuarat dan sebagainya.

Usaha berkerjasama itu telah memberi beberapa impak kepada negara antaranya dalam mewujudkan sistem perekonomian yang mapan, pendidikan yang dapat membantu meningkatkan pembangunan sumber manusia sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

REPUBLIK RAKYAT CHINA

Asean akan terus berusaha bagi penubuhan satu pasaran serantau pada tahun 2015, di samping akan mewujudkan kawasan perdagangan bebas yang terbesar di dunia melalui Perkongisian Komprehensif Ekonomi Serantau (Regional Comprehensive Economic Partnership) dengan rakan-rakan dialog.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyatakan perkara tersebut semasa bertitah pada Sesi Plenari Forum BOAO bagi Asia yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa BFA, Bandaraya Sanya, Wilayah Hainan, Republik Rakyat China pada 7 April 2013.

Baginda juga bertitah menekankan bahawa usaha-usaha kerjasama tersebut seharusnya merancang masa hadapan yang lebih jauh demi kepentingan belia yang bakal mewarisi dunia yang dibina.

REPUBLIK INDONESIA

Negara Brunei Darussalam dengan Republik Indonesia adalah di tahap yang sangat erat, baik di peringkat pemimpin tertinggi, para pegawai awam, pihak swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan khususnya rakyat dan penduduk kedua-dua buah negara.

Kedua-dua negara secara rasmi menjalin hubungan diplomatik pada 1 Januari 1984 sebaik sahaja Negara Brunei Darurussalam mencapai tahap kemerdekaan penuh.

NEW ZEALAND

Brunei Darussalam dan New Zealand juga menjalinkan hubungan diplomatik hampir 29 tahun dimana kedua-dua buah negara mengenali satu sama lain dengan lebih baik melalui kunjungan dan juga kerjasama di pelbagai bidang sama ada melalui hubungan dua hala atau serantau.

Menyentuh bidang pendidikan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia melahirkan penghargaan atas sokongan New Zealand dalam bidang tersebut yang dapat membantu meningkatkan pembangunan sumber manusia.

Dalam titah balas pada Majlis Santap Negara yang di berikan oleh Gabenor Jeneral New Zealand, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral The Right Honourable Sir Jerry Mateparae di Government House, Wellington, baginda percaya peningkatan jumlah pelajar Negara Brunei Darussalam yang belajar di New Zealand dapat merapatkan lagi hubungan kedua-dua buah negara.

REPUBLIK KOREA

Tahun 2014 amat bermakna bagi Negara Brunei Darussalam kerana dapat secara serentak menyambut sambutan Ulang Tahun Ke-25 Perkongsian ASEAN-Republik Korea dan 30 Tahun Penubuhan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea.

Sehubungan itu, baginda melahirkan kegembiraan dengan status hubungan dua hala yang telah lama wujud yang sekarang telah berkembang merangkumi pelbagai bidang termasuk ICT dan pertukaran dalam kalangan rakyat.

Pada Sesi Pertama Sidang kemuncak Komemoratif ASEAN-Republik Korea di Busan Republik Korea pada 13 Disember 2014, Kerjasama tersebut titah Kebawah DYMM di sokong di peringkat serantau melalui ASEAN-Republik Korea dan rangka kerja ASEAN+3.

REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengingatkan pentingnya ‘dimensi kemanusiaan’ dalam perkongsian kerjasama diteruskan untuk membina kepercayaan melalui interkasi personal kerana ianya mempunyai kesan jangka panjang dalam hubungan sesama rakan.

Baginda bertitah ketika berangkat menghadiri Siang Plenari III selaku Ketua Pembentang Utama (Lead Speaker) mewakili rantau Asia bagi agenda yang berfokus kepada Kerjasama Sosial dan Kebudayaan pada hari kedua Mesyuarat Sidang Kemuncak Ke-9 Asia-Eropah (ASEM) di Vientiane pada 6 November 2012.

KUWAIT

Negara Brunei Darussalam percaya cara yang paling berkesan untuk mempersiapkan penduduknya melalui pendidikan terutama dalam kalangan belia yang akan mewarisi potensi Asia dalam menghadapi cabaran dunia moden masa kini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian semasa berangkat menghadiri Sesi Tertutup Pertama Sidang Kemuncak Dialog Kerjasama Asia (ACD) di Istana Bayan, Bandaraya Kuwait pada 16 Oktober 2012.

PENGANUGERAHAN DAN PENGIKTIRAFAN

Kewibawaan dalam memimpin negara ke arah yang lebih maju memberikan kepercayaan rakyat jelata dan penduduk di negara ini bahkan masyarakat luar negara juga turut mengkagumi kebijaksanaan dan kepimpinan baginda yang tersendiri.

Dari itu, baginda telah dianugerahkan pelbagai pengiktirafan, penganugerahan dan juga pingat kehormatan dalam negara mahupun luar negara.

Pada 3 Januari 2013, baginda dikurniakan skrol anugerah Companion of the College yang di sembahkan oleh Profesor Claire Gerada selaku Pengerusi Majlis Royal College of General Practitioners (RCGP) di Euston Square, London.

Kemudian, pada 5 November 2014, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah dikurniakan penganugerahan Gelaran Doktor Kehormat Undang-Undang daripada Universiti Sains Malaysia (USM) oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis di Dewan Tuanku Syed Putra, USM, Pulau Pinang, Malaysia.

MESYUARAT-MESYUARAT

Negara Brunei Darussalam turut melakar sejarah apabila menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 (22th ASEAN Summit) pada 24 hingga 25 April 2013 di Bandar Seri Begawan dan juga Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23 yang bermula pada 9 hingga 10 Oktober 2013 yang dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Pada mesyuarat tersebut para pemimpin ASEAN membincangkan pelaksanaan pembentukan Komuniti ASEAN pada tahun 2015 termasuk ekonomi, keamanan, sosial dan budaya serta hal ehwal ASEAN dan isu-isu antarabangsa.

LAWATAN PEMIMPIN LUAR

Lawatan Presiden Republik Singapura bukan sahaja dapat memperbaharui dan mengukuhkan persahabatan peribadi, bahkan juga dapat mempererat lagi hubungan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang sudah lama terjalin dalam pelbagai peringkat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian dalam Majlis Persantapan Negara sempena meraikan Lawatan Negara Presiden Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam dan isteri, Puan Tan Keng Yam serta rombongan yang dalam rangka Lawatan Negara selama tiga hari.

Baginda menambah, hubungan saling hormat-menghormati dan percaya-mempercayai telah membolehkan kedua-dua belah pihak untuk memperluaskan lagi bidang-bidang kerjasama dalam pertahanan, kesihatan, pendidikan, perdagangan dan perniagaan yang wujud sekian lama.

Dengan cara demikian, dasar berbaik-baik Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara luar itu dapat diperkukuhkan lagi kedudukannya setaraf dengan negara-negara yang lainnya.

Selain itu, pertukaran lawatan, mesyuarat-mesyuarat juga akan terus dipertingkatkan di samping dapat mengeratkan lagi hubungan negara dengan negara-negara berkenaan.

Pada tahun 2015 ini, mudah-mudahan negara kita akan terus mencapai kemesraan yang erat demi mengukuhkan lagi kerjasama dalam pelbagai bidang untuk kepentingan bersama.

Ke arah pendidikan berkualiti



Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus memastikan rakyat negara yang berilmu pengetahuan, berkemahiran tinggi dan berjaya menjelang Wawasan Negara 2035.

Rakyat selaku generasi yang berilmu sebagai peneraju bangsa dan jentera penggerak pembangunan negara harus juga diterapkan dengan nilai-nilai murni serta identiti Brunei pada jati diri mereka dengan falsafah dan konsep Melayu Islam Beraja.

Untuk menghasilkan satu tahap kecemerlangan yang diinginkan oleh seseorang individu, masyarakat dan juga negara, rakyat selaku generasi yang diharapkan ini juga harus mengamalkan nilai-nilai dan sikap yang relevan ke arah memenuhi keperluan negara serta merealisasikan hasrat dan pembangunan negara.



Melalui perancangan dan usaha-usaha kerajaan, adalah diharapkan kita mampu melahirkan lebih banyak generasi yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah banyak memperuntukkan perbelanjaan yang besar sejak Skim Dermasiswa ditawarkan lebih dari 50 tahun yang lalu. Ini terbukti melalui penghantaran pelajar-pelajar dermasiswa keluar negeri melalui penganugerahan biasiswa-biasiswa yang diberikan yang antaranya ialah biasiswa-biasiswa kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Biasiswa Brunei Shell Petroleum (BSP) dan sebagainya.

Titah baginda semasa Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom (UK) dan Ireland Utara pada 29 Disember 2013 lalu, melahirkan rasa kesal terhadap isu pelajar yang memegang biasiswa kerajaan memohon untuk dilepaskan dari ikat janji berkhidmat dengan kerajaan.

Semua itu, tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berpotensi untuk menjejaskan perancangan peruntukan kerajaan.

Negara, titah baginda bukan sahaja memerlukan rakyat berpendidikan tetapi juga yang memiliki sifat berkepimpinan dan beretika tinggi, yang mana perkara itu merupakan objektif kerajaan dalam menghasilkan sumber tenaga manusia untuk negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah bahawa walaupun sering dinasihati atau diberikan dorongan, namun masih terdapat beberapa isu di kalangan pelajar termasuk isu kegagalan dan mengulang pengajian, yang berisiko boleh membawa orang cenderung untuk menukar kursus yang diambil.

“Ini belum lagi isu pelajar yang memegang biasiswa kerajaan memohon untuk dilepaskan dari ikat janji berkhidmat dengan kerajaan. Semua ini berpotensi untuk menjejaskan perancangan peruntukan kerajaan,” titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dalam hal ini, baginda telah mempersoalkan komitmen dan kesetiaan para pelajar terhadap kerajaan dan negara.

PENGANUGERAHAN SKIM BIASISWA-BIASISWA KERAJAAN KE KELUAR NEGERI

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyediakan Skim Biasiswa Khas keluar negeri di bawah Dana Sumber Manusia Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Skim Biasiswa Khas diperkenalkan bertujuan untuk menghantar penuntut-penuntut yang mempunyai kelayakan akademik yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke institusi yang terkemuka di luar negeri di setiap peringkat iaitu peringkat ‘O’, ‘A’, Ijazah Pertama dan Sarjana dan Ph.D. Skim ini terbahagi kepada tiga iaitu Biasiswa Pelajar Cemerlang (BPC) yang dikhususkan bagi pelajar cemerlang di peringkat biasa ‘O’ level untuk melanjutkan pelajaran di peringkat lanjutan ‘A’ level, Biasiswa Khas Peringkat Ijazah Pertama yang dikhususkan kepada pelajar cemerlang di peringkat Lanjutan ‘A’ level / International Baccalaureate (IB) untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Pertama dan Biasiswa Khas Peringkat Ijazah Lanjutan yang dikhususkan kepada graduan cemerlang di peringkat Ijazah Pertama atau Ijazah Sarjana untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana atau Kedoktoran.

Statistik penerima Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan pada tahun 2014 ialah seramai 51 lelaki dan 90 wanita dengan menjadikan jumlah keseluruhan seramai 141 orang bagi mereka yang melanjutkan pengajiannya di luar negeri seperti Australia, Malaysia, New Zealand, United Kingdom dan USA.

PENGANUGERAHAN BIASISWA SULTAN'S SCHOLAR

Selaras dengan salah satu tujuan penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dalam bidang pendidikan, skim biasiswa khas yang dinamakan 'Sultan's Scholar' bertujuan untuk melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berkemahiran, berdisiplin dan berbudi bahasa bagi kepentingan jangka masa panjang Ugama, Raja dan Negara. Biasiswa 'Sultan's Scholar' adalah merupakan biasiswa yang berprestij.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mula memperkenankan penganugerahan biasiswa 'Sultan's Scholar' mulai pada tahun 2006 iaitu bagi sesi pengajian 2006/2007.

Penerimanya adalah penuntut-penuntut yang dikenalpasti oleh YSHHB, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai penuntut cemerlang dalam bidang akademik dan kegiatan luar sekolah (co-curricular activities). Sejak tahun 2006, seramai 36 orang penuntut telah menerima anugerah biasiswa 'Sultan's Scholar'.

YSHHB telah memperluaskan skim biasiswa 'Sultan's Scholar' untuk skim tahap pengajian ke peringkat Doktor Falsafah. Pada tahun 2013, seramai dua orang penerima biasiswa telah menerima biasiswa bagi melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah dan seorang penerima lagi menerima biasiswa bagi melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah pada tahun 2014.

PENGANUGERAHAN BIASISWA BRUNEI SHELL PETROLEUM (BSP)

Brunei Shell Petroleum Co Sendirian Berhad (BSP) telah menghantar lebih 600 pelajar sejak tahun 1972 terutamanya dalam bidang kejuruteraan bagi institusi di Brunei Darussalam, United Kingdom, Australia, Jerman dan Amerika Syarikat bagi menyokong pembangunan belia dan pendidikan.

Pada tahun 2013, BSP telah menganugerahkan Biasiswa dan Kontrak Tajaan Dalam Perkhidmatan kepada seramai 42 orang pelajar yang memperolehi pencapaian merit cemerlang, sementara pada tahun 2014, Brunei Shell Joint Venture (BSJV) telah menganugerahkan skim biasiswa kepada 54 pelajar bagi pencapaian merit cemerlang. Syarikat-syarikat BSJV telah memperkenalkan lebih banyak inisiatif untuk menangani keperluan industri dalam mengambil pekerja individu yang berbakat, latar belakang akademik dan kemahiran komunikasi yang boleh bersaing dengan kadar industri yang semakin meningkat.

Rakyat khususnya generasi muda merupakan aset, pelaburan dan ejen masa depan negara, kerana itu kerajaan terus memberikan biasiswa kepada para pelajar yang cemerlang bagi melanjutkan pelajaran ke luar negara dan mereka pula seharusnya bertanggungjawab untuk membalas segala jasa dengan berkhidmat dengan kerajaan setelah menamatkan pengajian.

Catatan

Catatan